Title	Cikgu Ariff yang kukenal
Author(s)	Mohd Raman Daud

Copyright © 2020 Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia (ALC), Institut Pendidikan Nasional, Singapura

Cikgu Ariff
Yang Kukenal

buku kenangan
MOHD RAMAN DAUD

editor
KARTINI ANWAR

SIRI PENERBITAN DR MUHAMMAD ARIFF AHMAD

Cikgu Ariff
Yang Kukenal

MOHD RAMAN DAUD

Editor
KARTINI ANWAR

Institut Pendidikan Nasional, Singapura
Universiti Teknologi Nanyang, Singapura
@Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu
Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia (ALC)

Cikgu Ariff Yang Kukenal
SIRI PENERBITAN DR MUHAMMAD ARIFF AHMAD

di bawah tajaan
Dana MAS

diterbitkan oleh
Institut Pendidikan Nasional, Singapura
Universiti Teknologi Nanyang, Singapura
1, Nanyang Walk
Singapura 637616
@Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu
Kumpulan Akademik Bahasa dan Kebudayaan Asia (ALC)

Cetakan Pertama 2020
Hakcipta terpelihara. Tiada sebarang bahagian daripada buku ini boleh disalin, disimpan atau ditempatkan dalam sistem rakaman atau siaran dalam apa jua bentuk (cetak, elektronik, salinan, rakaman dan sebagainya) tanpa izin bertulis terlebih dahulu daripada penulis atau penerbit.

ISBN: 978-981-14-4723-5
Perpustakaan Negara Singapura Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

desain kulit
Sarkasi Said
Mohd Samad Afandie

reka letak
Syafiq Jubri

dicetak oleh
Citi Print & Design Pte Ltd

K A N D U N G A N

	Dari hati ke hati	v
1.	Mula Kenal	1
2.	Berita Harian, Majlis Bahasa Melayu & Nadwah Sastera	9
3.	Rancakkan Asas '50	21
4.	Gelar Pendeta	27
5.	Ziarah ke KL	31
6.	Hubungan Kaum	39
7.	*Perjalanan MAS*	45
8.	Serah Khazanah	51
9.	Anugerah MAS	55
10.	Gelar Doktor Kehormat	63
11.	Adikarya *NILAM*	67
12.	Dana MAS	71
13.	Pantun Terakhir	77
14.	Tamsil Pendeta	87

Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad (1924-2016)

Dr Muhammad Ariff Ahmad dan penulis, Mohd Raman Daud

“Rumpun Melayu akan menjadi terpandang apabila keperibadiannya seindah ketinggian ilmunya dan pencapaiannya dalam pelbagai bidang telah membangun sebuah tamadun adil lagi ihsan.”

Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad
(1924-2016)

Dari hati ke hati

Dengan nama Tuhan Maha Pengasih Maha Penyayang

Saya mengenali Pendeta Dr Muhammad Ariff Ahmad atau lebih dikenali sebagai 'Cikgu Ariff' sejak di bangku Sekolah Rendah Melayu Tanglin Besar, iaitu bermula dengan karya-karya beliau termasuk novelet, *Sarah Pengarang Kecil*. Kemudian ketika di Sekolah Menengah Swiss Cottage, saya membaca buku tatabahasa karangan beliau iaitu *Bahasa Negaraku*.

Hanya pada 1980, barulah saya bersua dengan beliau. Presiden Majlis Pusat, Haji Mohd Yusof Ahmad yang memperkenalkan saya kepada Cikgu Muhammad Ariff Ahmad. Menurut Haji Mohd Yusof, Cikgu Ariff bukan sahaja menjawat jawatan pengerusi tetap Majlis Pusat, malah beliau juga seorang penulis, ahli bahasa dan budayawan. Ketika itu, Majlis Pusat bakal mengadakan mesyuarat agung dan selaku pengerusi tetap Majlis Pusat, Cikgu Ariff perlu meneliti segala laporan sebelum pertemuan dwitahunan itu.

"Saya minta Raman bantu Majlis Pusat dan juga Cikgu Ariff. Belajar daripada cikgu," kata Haji Mohd Yusof.

Saya tercengang-cengang kerana tidak faham di sebalik niat Haji Mohd Yusof menyampaikan semacam wasiat yang spontan. Namun, amat mendalam maknanya. Saya tidak terkata. Kelu lidah saya dan hanya tersenyum saja selepas bersalaman dengan Cikgu Ariff. Begitu juga dengan Cikgu Ariff yang mungkin terkejut dengan basa-basi Haji Mohd Yusof.

Selang 14 tahun kemudian iaitu pada 1994, saya teringat semula ketika memandu kereta untuk menjemput Cikgu Ariff untuk menziarahi Haji Mohd Yusof yang tenat di rumahnya di Kempas, Johor Bahru.

Saya menyebut tentang kenangan pertemuan kami di Majlis Pusat menerusi ihsan Haji Mohd Yusof. Mendengar kisah itu, Cikgu Ariff mengulas, "Itu yang dinamakan suratan, Raman. Ada kalanya, Allah jadikan orang lain sebagai perantara untuk kenalkan

kita. Jadi, sebagai insan, kita bersyukurlah dengan sentiasa baik sangka bahawa apa jua Tuhan berikan, ada hikmah dan rahmat-Nya walaupun ada juga ujian-Nya." Beberapa minggu lepas ziarah tersebut, Haji Mohd Yusof Ahmad meninggal dunia. Semoga Allah mencuri rahmat-Nya ke atas rohnya.

Maka lewat buku kecil kenangan ini, saya cuba himpunkan apa jua kenangan dan maklumat yang masih saya ingat dan wajar dikongsi kepada pembaca budiman mengenai keperibadian Cikgu Ariff. Ingin saya merakamkan penghargaan besar kepada isteri saya, Azizan Duana dan dua sahabat, Profesor Madya Dr Hadijah Rahmat dan Haji Abdul Samad Salimin (@Asmin) atas sokongan mereka. Semoga catatan kecil ini menjadi bekal renungan untuk masyarakat, rumpun Melayu dan kemanusiaan, insya-Allah aamin.

Mohd Raman Daud
Fakir Yang Hina
2018M/1440H

BAHAGIAN 1

MULA KENAL
1980-an

Gotong-royong ialah teras usaha bersama orang Melayu.
Jangan ditinggalkan.

DEKAD 1980-an merupakan zaman yang mendewasakan saya, terutama dalam ehwal gerakan akar umbi masyarakat Melayu di Singapura. Ia bermula pada 1977, Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura mengadakan Khemah Kepimpinan. Saya sempat menyertainya selaku antara wakil Persatuan Bahasa Melayu Universiti Kebangsaan Singapura (PBMUKS). Ketika inilah, saya berkenalan dengan ramai pemimpin terutama pucuk pimpinan Majlis Pusat yang ketika itu diketuai Haji Mohd Yusof Ahmad dan pengerusi tetapnya, Cikgu Muhammad Ariff Ahmad.

Majlis Pusat ditubuhkan pada 1969 sebagai induk kepada lebih 40 badan Melayu/Islam yang terlibat dalam lima bidang kegiatan utama iaitu pendidikan, sukan, kesenian, persuratan dan kebajikan/agama. Ia merupakan gagasan Haji Shaari Tadin (1932-2009), mantan pengetua Sekolah Menengah Sang Nila Utama dan kemudian menjadi Setiausaha Parlimen Kanan (Kebudayaan). Presiden pertamanya ialah Mohd Yatim Dohon (1925-2016) dan yang kedua ialah Mohd Yusof Ahmad (1924-1994) dan ketiga, Zulkifli Mohammed (1946 -).

PBMUKS pula terlibat dalam mengadakan kelas bimbingan di bawah selia Jawatankuasa Bersama Pelajaran (JBP) yang dianggotai Majlis Pusat, Kesatuan Guru Melayu Singapura, Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM), Majlis Pelajaran Melayu dan Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud (LBKM).

Pada 1979, ketika memimpin PBMUKS dan ditemani beberapa rakan eksko, saya telah membentangkan kertas saran bagi penubuhan semacam 'pusat fikir' (*think tank*) yang dinamakan Unit Kajian Budaya kepada Majlis Pusat. Walaupun menerima saranan tadi secara prinsipnya, namun Haji Mohd

Yusof menyatakan kesukaran untuk membentuk para ahli dan biaya bagi pusat tadi. Antara keunikan Haji Mohd Yusof ialah kejujuran dan iltizamnya untuk mendapatkan bakat muda bagi memastikan kesinambungan pimpinan Majlis Pusat.

Ketika itu saya menjadi penulis skrip drama tetap di Radio dan Televisyen Singapura (RTS yang kemudian bertukar nama menjadi Perbadanan Penyiaran Singapura atau SBC, dan kini Mediacorp) pada 1 Oktober 1980 sehingga 30 April 1984. Haji Mohd Yusof sering menelefon saya di SBC dan sering juga menjemput saya dengan keretanya untuk bertandang ke pejabat Majlis Pusat di Bangunan Majlis Perkhidmatan Masyarakat Kebangsaan (NCSS).

Pada suatu hari, saya bertemu dengan Cikgu Muhammad Ariff Ahmad atau Cikgu Ariff sebagaimana saya ceritakan pada bahagian prakata. Saya telah diminta menjadi ahli bersekutu Majlis Pusat dan kemudian telah terpilih untuk menjadi ahli eksko dalam mesyuarat agung dwitahunan.

PESTA BUDAYA MELAYU I

Majlis Pusat telah mengadakan Pesta Budaya Melayu pada 6-15 Mac 1981. Sekali lagi Cikgu Ariff telah bertindak sebagai penasihat kepada usaha kami yang kali ini mendapat sokongan besar Lembaga Penggalak Pelancongan Singapura (STPB, kini STB).

Saya masih ingat kurator dan pengelola Muzium Negara, Encik Christopher Hooi yang tidak yakin Majlis Pusat boleh mengisikan artifak yang mencukupi ke dalam lima ruang atau dewan besar yang disediakan. Cikgu Ariff meyakinkan kami betapa pentingnya apa jua kerja besar dalam masyarakat itu

dilakukan secara gotong-royong. "Inilah teras usaha bersama orang Melayu. Jangan ditinggalkan," pesannya.

Kami pukul canang di akhbar *Berita Harian*, radio dan mengedarkan risalah untuk memohon bantuan orang ramai agar dapat meminjamkan kami artifak warisan yang mereka punyai seperti pinggan asahan, tudung periuk, tepak sirih, apa jua perkakasan tembaga, keris, gasing mahupun bahan permainan.

Selain seorang pekerja tetap, iaitu Encik Ahmad Takim (1939-2018), Majlis Pusat tidak mempunyai ramai relawan. Di samping menjadi penolong setiausaha, saya juga kerap membantu Encik Yusnor Ef (Cikgu Mohd Noor Mohd Yusofe, 1937 -) yang ketika itu setiausaha penganjur. Saya diminta menyiapkan bahan hebahan dan menulis label artifak dalam dwibahasa, Melayu dan Inggeris. Saya masih teringat ketika kami mengaturkan artifak dan labelnya dalam suasana kelam-kabut itu, Encik Hooi tiba-tiba datang memantau. Kami terkejut dibuatnya, tetapi beliau lebih terkejut apabila melihat bahan-bahan pameran yang melimpah ruah sudah terkumpul.

Ternyata, pameran itu mendapat sambutan gah dan di luar jangkaan pihak muzium. Begitu juga dengan pementasan karya drama saya, *Bicara* yang mengisahkan pertarungan minda Jebat dan Tuah dalam pada hari muka. Pementasan tersebut dikendalikan Badan Kesenian Melayu dengan hasil arahan E.F. Kamaludin. Namun yang paling riuh ialah acara sukan darat seperti acara panjat tiang licin, permainan gasing dan persembahan pencak silat, disertakan juga dengan acara laut seperti lumba jong dan kolek di pantai East Coast.

Pihak STB amat teruja dengan sambutan orang ramai, terutamanya para pelancong. Dengan demikian, STB meminta Majlis Pusat mengadakan acara tersebut sekali lagi.

BULAN BAHASA 14 Ogos – 13 Sep 1982

Majlis Pusat bercadang untuk menghidupkan Bulan Bahasa yang kali terakhir diadakan pada 1966. Cikgu Ariff telah diundang untuk memberikan pandangan kerana beliau bukan saja seorang bahasawan dan budayawan, malah 'dalang' dalam mengadakan tiga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu (1952 di Singapura, 1954 di Seremban dan 1956 di Johor Bahru dan Singapura). Beliau menasihati kami agar gigih mengadakan acara yang menurut penilaian beliau akan dapat "mencerminkan usaha memelihara maruah dan kenal diri (identiti atau jati diri) orang Melayu".

Cikgu Ariff menceritakan perihal Kongres Bahasa dan Persuratan Ketiga yang telah melahirkan Jawatankuasa Tetap Kongres (JTK) yang terbahagi dua – satu di Persekutuan Tanah Melayu dan satu lagi di Singapura.

Menerusi JTK Singapura yang kemudian didaftarkan menjadi Lembaga Tetap Kongres (LTK), berlaku usaha melobi pemerintah Parti Tindakan Rakyat untuk menjayakan kepentingan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan sejak 1959. Sayangnya, selepas Singapura dipisahkan daripada Malaysia pada 1965, usaha LTK yang termasuk penubuhan Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan (DBKK) di Kementerian Kebudayaan, serta kegiatan kebahasaan yang lain telah terhenti. DBKK telah dimansuhkan pada 1968. Hal ini, antara lain, merupakan perkara yang amat mengecewakan Cikgu Ariff. Beliau kemudian terkena serangan jantung dan dibedah di Hospital Besar Singapura (SGH).

Menurut Cikgu Ariff, kesan perpisahan Singapura-Malaysia menjadikan LTK tidak lagi relevan, namun keadaan tersebut juga telah mendorong penubuhan Majlis Pusat. Dengan demikian,

Cikgu Ariff merasakan Majlis Pusat wajar melaksanakan acara Bulan Bahasa. Tambahan pula, Majlis Pusat sudahpun diamanahkan untuk menjayakan Hadiah Sastera yang mengiktiraf karya terbaik penulis setempat. Namun kos mengadakan acara Bulan Bahasa terpaksa ditanggung oleh Majlis Pusat sendiri.

Majlis Pusat telah menghantar surat rayuan untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada beberapa sumber, termasuk Yayasan Lee. Cikgu Ariff menyarankan tema dan cogan kata Bulan Bahasa ialah, 'Gunakan Bahasa Melayu yang Betul'. Ini juga membawa pengertian bahawa kempen ini diarahkan untuk orang Melayu dan bukan untuk seluruh rakyat seperti dalam kempen Bahasa Kebangsaan pada tahun 1960-an.

Namun pemerintah amat prihatin dengan tindakan Majlis Pusat. Terdapat tanggapan bahawa Bulan Bahasa yang dihidupkan semula itu semacam 'respons' terhadap Kempen Bertutur Bahasa Mandarin yang pertama kali diadakan oleh pemerintah. Namun pucuk pimpinan Majlis Pusat berhujah bahawa penganjuran Bulan Bahasa merupakan suatu perkara yang wajar. Menurut perlembagaannya, Majlis Pusat yang ditubuhkan pada 1969, hendaklah memperjuangkan kepentingan bahasa dan persuratan, budaya, sosial, ekonomi dan sukan orang Melayu di Singapura.

Secara kebetulan, Singapura juga menyambut Kempen Bertutur Bahasa Mandarin yang ditujukan untuk masyarakat majoriti, Cina agar mengurangkan penggunaan dialek. Untuk menunjukkan sikap harmoni, Majlis Pusat telah mengundang Mejar Fong Sip Chee, Menteri Negara (Kebudayaan) sebagai tetamu terhormat.

Ketika itu Encik Yusnor Ef bertindak sebagai setiausaha penganjur Bulan Bahasa dan saya pula menjadi penolongnya.

Selaku penasihat Bulan Bahasa, Cikgu Ariff berasa amat bersyukur kerana semangat mencintai bahasa dan persuratan Melayu masih mantap meskipun kian terasa suasana berbahasa Inggeris yang dominan di Singapura. Bahkan beliau berpesan bahawa selagi ada Dasar Dwibahasa pemerintah, tiada sebab Majlis Pusat perlu khuatir tentang tindakannya untuk mengadakan kegiatan bahasa dan persuratan yang jelas matlamatnya untuk menyubur dan melestarikan jati diri orang Melayu. Dalam hal ini, saya terasa kebijaksanaan Cikgu Ariff. Peribadinya agak *'witty'* - pintar dan lucu walaupun dalam suasana serius.

Untuk Bulan Bahasa 1982, saya telah diminta untuk menyusun aturcaranya dari segi majlis pembukaan, kegiatan bahasa dan sastera. Karya drama saya, *Juara*, telah dipentaskan dan dijayakan oleh Persatuan Kemuning dengan arahan Lut Ali. Drama tersebut mengupas dilema seorang wartawan yang harus buat pilihan di antara menulis dengan benar ataupun menyembunyikan hakikat.

PESTA BUDAYA II

Pesta Budaya II anjuran Majlis Pusat telah berlangung pada 23 Disember 1984 hingga 1 Januari 1985. Pesta tersebut masih diadakan menerusi tiga segmen iaitu segmen pameran pementasan, acara sukan darat dan laut. Seperti pesta budaya sebelumnya, segmen pameran diadakan di Musium Negara. Selain pameran artifak budaya, lukisan para pelukis APAD juga dipamerkan. Kali ini, pementasan bukan lagi diadakan di Panggung Victoria tetapi di Pusat Drama. Karya drama saya, *Tugu* telah dipersembahkan oleh Perkumpulan Seni. Acara sukan darat dan laut pula meriah diserikan dengan pesta makanan dan seni lukisan di pantai East Coast.

Pengurusan untuk menjayakan Pesta Budaya II telah menunjukkan yang Majlis Pusat kurang stamina dari aspek tenaga dan dana. Malah Majlis Pusat tidak lagi menjalankan kegiatan Bulan Bahasa Melayu pada 1988 tetapi telah diadakan oleh Jawatankuasa Bahasa Melayu di bawah Kementerian Kebudayaan. Saya menyertai Majlis Pusat sehingga 1985 dengan kegiatan terbesarnya iaitu Kongres Ekonomi Masyarakat Melayu Islam Singapura (KEMAS) yang dianjurkan bersama dengan Syarikat Kerjasama Serbaguna Guru Melayu Singapura (kini dipanggil Syarikat Guru Melayu atau SGM) dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu. Diadakan pada 13 hingga 15 September 1985, KEMAS mendapat sambutan hangat. Namun ketetapannya, termasuk penubuhan Dana Amanah Muslim Singapura (Danamis) yang juga saranan Setiausaha Parlimen, Encik Sidek Saniff (selaku penasihat KEMAS), tidak diterima pemerintah. Cikgu Ariff menasihati agar semangat untuk membangun ekonomi orang Melayu dicanangkan terus kerana ekonomi merupakan antara tiang pembangunan masyarakat.

Sepanjang penyertaan saya dalam Majlis Pusat, saya diamanahkan untuk menjalankan tugas sebagai pengarang jurnal *BUDAYA* untuk beberapa penerbitan. Antara artikel yang ditampilkan termasuk wawancara saya dengan 'Bapa Drama Melayu Singapura', Encik Bani Buang, tokoh muzik tanahair, Encik Ahmad Jaafar dan penyair ternama, Encik Masuri SN. Dalam pada saya menjalankan amanah tersebut, Cikgu Ariff berpesan, "Yang terpenting dalam mengarang alat sebaran am seperti majalah ialah ketepatan maklumatnya, bukan sekadar indah dan tersusun bahasanya. Jika dapat, biarlah tulisan itu mudah difahami, tepat dan bernas berdasarkan sumber utamanya."

Bahagian 2

DI BERITA HARIAN, MAJLIS BAHASA & NADWAH SASTERA

Ini [menulis] membuat hidup saya bermakna walaupun seluruh tubuh saya semakin lemah.

PERKATAAN 'bersara' tiada dalam kamus Cikgu Ariff atau nama penanya yang terkenal, MAS (Muhammad Ariff Singapura). Malah sejak bersara secara rasmi sebagai pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Melayu, Maktab Perguruan Singapura (TTC dan kini dipanggil Institut Pendidikan Nasional atau NIE), beliau mendapati dirinya semakin sibuk. Begitulah kenyataannya ketika saya menyambutnya di parkir Times House, Kim Seng Road, pada 1985.

"Selain Berita Harian, pihak radio Melayu SBC minta saya buatkan makalah tentang bahasa dan budaya. Saya pula ada bercadang nak habiskan sebuah novel dan karangan lain. Jadi pencen secara rasmi, tapi hidup macam tak pencen," katanya berseloroh.

Beliau ada menghasilkan sebuah sajak bertajuk 'Pencen' yang memerikan hal tersebut. Saya muatkannya di bawah ini.

Pencen

Akhirnya
Aku pun pencen
seperti teman-teman lain pencen..

Cuma, pencen teman-teman
pencen relax A - relax mutlak...
sedangkan pencenku
pencen relax B - relax bergerak...

routinenya sahaja berhenti
tugasnya silih berganti
selesai yang satu
datang pula yang baru.

Relax A, bebas dari tekanan
Relax B, menempa pengalaman

bak rerama menjelajahi taman
dari kuntum ke kuntum berterbangan
mendapatkan madu yang segar nyaman...

Pencenmu..
pencen yang mana satu?

(Memoir Muhammad Ariff Ahmad, *Perjalanan MAS*, hlm 104)

Pintar lucunya membuat kelas bahasa di Berita Harian (BH) tidak kering gusi. Beliau menunjukkan sejumlah kesalahan bahasa, ejaan dan nahu dalam laporan dan rencana BH. Ada sesetengah wartawan yang merah padam muka mereka kerana mendapat tegurannya. Namun, Cikgu Ariff dengan bijaksana menjelaskan, "Biar kita silap semalaman, jangan sampai bila-bila."

Waktu itu saya baru bertugas sekitar setahun di akhbar ini (saya menyertainya pada 2 Mei 1984 sehingga 30 Oktober 2016). Ketika itu, BH setebal 8 halaman saja. Malah dek ketipisannya dan adanya kesilapan bahasa serta fakta, BH ada kalanya diberi ejekan 'Berita Hairan'. Hal ini memualkan kakitangan BH. Oleh itu, antara ikhtiar BH ialah dengan mengundang Cikgu Ariff sebagai perundingcara untuk membetulkan bahasa dalam BH. Dalam pada itu, Editor Encik Zainul Abidin Rasheed meminta saya menjadi 'setiausaha' kepada jawatankuasa bahasa BH dalam mengaturkan bengkel bahasa, pembetulan, pencarian istilah dan sebagainya.

Sejak itu, saya kian akrab dengan Cikgu Ariff. Saya sering menelefonnya untuk mengesahkan penggunaan istilah dan sebagainya. Masalah istilah berlaku kerana kederasan teknologi yang sering berasal dari Barat, khususnya istilah Inggeris. Kamus Dewan yang bercetak lima tahun sekali tentulah tidak dapat memberikan istilah terkini. Malah setelah Kamus Dewan

beroperasi di ruang siber pun, ia masih belum dapat menghasilkan istilah baru secepat yang didambakan.

Dalam pada itu, saya diminta Editor untuk mewakili BH dalam Jawatankuasa Bahasa Melayu (JBM) di bawah Kementerian Kebudayaan yang dipimpin oleh Encik Sidek Saniff, Setiausaha Parlimen. Menerusi mesyuarat jawatankuasa ini, saya lebih mengenali Cikgu Ariff yang dianggap arkitek bahasa Melayu di Singapura. Menurut setiausaha JBM, Mohd Almuddin Hashim (m. 1996), Cikgu Ariff ibarat 'penentu hukum' dalam soal bahasa dan budaya Melayu di Singapura.

Pembinaan istilah setempat tidak semuanya dihasilkan oleh Jawatankuasa Bahasa atau melalui rundingan dengan Cikgu Ariff. Adakalanya ia diperoleh daripada orang ramai seperti istilah 'bas tabung'. Ketika bas tanpa kelindan (*conductor*) baru-baru diperkenalkan pada 1973, ia digelar sebagai *One Man Operation bus* (OMO *bus*). Namun, apabila penumpang bas perlu masukkan tambang bas ke dalam tabung, ia mula digelar sebagai 'bas tabung' oleh penumpang Melayu sehingga istilah tersebut melekat.

Saya teringat isu *surrogate mother* yang menuntut istilah yang tepat dan cepat. Pihak Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah menghubungi BH dan saya ditugaskan untuk menyegerakan huraiannya. Setelah merujuk kepada Cikgu Ariff, beliau menyarankan istilah 'ibu titip benih' digunakan untuk merujuk kepada *surrogate mother* dengan penjelasan bahawa ibu sedemikian mengizinkan rahimnya digunakan untuk proses penglahiran anak melalui suatu kontrak persetujuan yang lazimnya disusuli dengan upah. Pada masa yang sama, anak yang bakal lahir itu bukan anak beliau tetapi daripada ibu bapa lain yang mungkin orang asing atau tidak dikenali ibu tersebut. Istilah 'ibu titip benih' yang dicipta Cikgu Ariff diterima baik oleh pihak MUIS.

Difahamkan tidak lama kemudian, istilah 'ibu surogat' diperkenalkan oleh Kamus Dewan. Pada pandangan saya, istilah yang merujuk kepada terjemahan langsung ini kurang mencerminkan daya cipta.

POLEMIK JAWANISASI

Sebuah polemik Bahasa Indonesia pernah berlaku pada awal 1980-an. Terdapat tuduhan bahawa Bahasa Indonesia 'dijawakan' atau melalui proses jawanisasi oleh Dr Anton Molieono (1929-2011) dan pasukannya yang menerajui Pusat Bahasa Indonesia ketika itu. Sutan Takdir Alisjahbana (1908-1994) merupakan antara tokoh utama yang mengkritik kumpulan Molieono kerana sering menggunakan istilah Sanskerta atau Jawa dan bukan istilah antarabangsa iaitu Inggeris.

Dalam satu sesi pertemuan Sasterawan Nusantara V di Ujungpadang (Makassar) pada 1986, Sutan Takdir, mantan ketua Pusat Bahasa Indonesia yang pertama, pernah menyinggul penggunaan istilah Jawa untuk menjelaskan sesuatu perkara. Misalnya penggunaan istilah 'pantau' sedangkan istilah Inggeris, 'monitor' masih boleh diterima. Beliau juga membahaskan penggunaan istilah 'tuna netra' untuk menjelaskan istilah 'buta'. Ketika itu, saya ditemani Abdul Halim Kader hadir selaku peserta bersama-sama perwakilan Asas '50 yang termasuk Cikgu Ariff dan isterinya, Cikgu Sarinah Haniff. Saya sempat bertanyakan Cikgu Ariff dan minta pandangan beliau terhadap polemik tersebut.

Dengan bijaksana, Cikgu Ariff mengujarkan, "Sudah disepakati para bahasawan di Nusantara bahawa untuk mencari istilah baru, kita perlu cipta sendiri. Jika tidak berhasil, bongkar khazanah bahasa rumpun Melayu, termasuk daripada dialek-

dialeknya. Jika tidak jumpa juga, barulah cari istilah daripada bahasa Arab, Inggeris dan sebagainya. Jadi, perbuatan Dr Anton memang tiada salahnya iaitu kembali kepada akar. Namun, sama ada istilah yang baru itu popular atau sebaliknya, bergantung kepada penerimaan masyarakat. Ada kalanya masyarakat kita suka menggunakan istilah asing."

Ternyata, akhirnya, istilah-istilah baru yang terkandung dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* susunan Dr Anton dan rakan-rakannya diterima secara meluas. Menurut Cikgu Ariff, proses tersebut membentuk sebahagian daripada rekayasa bahasa (*language engineering*).

RUANGAN DI BERITA HARIAN

Sebagai tokoh persuratan dan budaya, Cikgu Ariff merupakan antara tokoh setempat yang lama mempunyai ruangan di akhbar dan radio. Di akhbar *Berita Harian*, beliau mempunyai ruangan pojok, 'Bahasa Jiwa Bangsa' yang mana tulisan-tulisannya dikarang sendiri pada 1980-an. *Berita Harian* sempat mengumpulkan tulisan-tulisan tersebut dan diterbitkan sebagai kumpulan esei dengan judul pojok yang sama. Kumpulan tulisan Cikgu Ariff yang terakhir tercakup dalam pojok 'Pesan Pendeta'. Tulisan-tulisan ini merupakan catatan sesi sembang kami.

Menurut Cikgu Ariff, beliau menggagahkan diri untuk menulis kerana aktiviti tersebut membuat fikirannya ligat berfungsi. Beliau menambah, "Ini yang membuat hidup saya bermakna walaupun seluruh tubuh saya semakin lemah. Apabila saya sudah tidak boleh berfikir lagi, saya mohon Allah segerakanlah tempoh hidup saya di dunia."

Apa yang dinyatakan Cikgu Ariff itu membuat saya sebak dan termenung panjang. Saya teringat kenyataan serupa yang

pernah diujarkan oleh ulama besar Singapura, Ustaz Syed Abdillah Aljufri (1938-2003). Menurut Ustaz Abdillah, selagi seseorang boleh berfikir, ia menunjukkan yang orang tersebut masih berakal. Kehadiran akal membolehkan seseorang terus beribadah dan dapat mengenali dan menyembah Penciptanya. Alhamdulillah, Cikgu Ariff terus dapat berfikir dengan baik sehingga sehari dua sebelum saat akhirnya.

JURNAL SEKATA

Pada awal tahun 2000, saya diberikan tugas untuk mengasuh jurnal *SEKATA* berikutan keputusan Majlis Bahasa Melayu Singapura. Ternyata tugas 'mengasuh' empat keluaran jurnal amat mencabar. Masalah untuk mendapatkan makalah tepat pada waktunya sering timbul. Cikgu Ariff, yang pernah menjadi editor jurnal *SEKATA* daripada tahun 1990 sehingga 1999, menasihati saya agar bersabar menghadapi cabaran tersebut. Menurut beliau 'mengasuh' majalah atau akhbar serupa dengan mengasuh seorang anak daripada kecil sehingga dewasa. Teryata saya hanya sempat mengasuh *SEKATA* selama lebih setahun saja dan kemudian berundur daripada MBMS kerana tugasan peribadi.

RADIO

Daripada zaman Pendudukan Jepun sehinggalah beberapa tahun sebelum beliau kembali ke rahmatullah, Cikgu Ariff merupakan antara penyumbang karya di radio bahagian Melayu. Sesudah bersara, beliau masih rancak menyajikan karangan-karangan berkaitan budaya dan bahasa untuk kegunaan radio setempat.

Menurut Cikgu Ariff, sagu hati yang diberikan sebagai imbuhan bagi setiap karangan yang dihasilkan untuk akhbar

setempat mahupun radio, tidaklah tinggi. Namun perkara tersebut bukanlah menjadi keutamaan beliau. Cikgu Ariff lebih memikirkan tentang kesan karangan-karangan yang beliau hasilkan ke atas pembaca akhbar mahupun pendengar radio. Beliau berharap mesej dalam karya-karya tersebut dapat difahami oleh orang ramai lantas merubah pemikiran mereka menjadi yang lebih baik. Kebanyakan karangan yang beliau hasilkan untuk media setempat masih belum dibukukan dan kini tersimpan rapi di Perpustakaan Negara.

Cikgu Ariff juga berkhidmat sebagai perundingcara sejak Sebutan Baku dilaksanakan pada 1992. Beliau sering tertawa kecil apabila mendengar sesetengah orang cuba bercakap dengan menggunakan sebutan baku. Beliau berasa aneh, bagaimana sesetengah orang berasa kelu berbual sesama sendiri dengan menggunakan sebutan baku, tetapi dapat berbual dengan lancar dengan menggunakan sebutan tersebut apabila bertemu dengan orang Indonesia.

NADWAH SASTERA

Pada akhir tahun 1989, Cikgu Ariff telah dirayu oleh sasterawan, Noor S.I. (1933-1990) dan Mohd Naim Daipi (1950-2015) agar menghimpunkan para penulis sealiran untuk sama-sama memikirkan masa depan persuratan Melayu Singapura.

Cikgu Ariff minta saya sebagai yang termuda, untuk bertindak selaku setiausaha kumpulan sementara yang tidak berdaftar ini. Beliau turut mengundang rakan-rakan lain termasuk anak didiknya, Abdul Samad Salimin (@Asmin, 1955 -) sahabat dan jirannya, Suradi Parjo (1926-1996), rakan karibnya, Masuri S.N. (1927-2005), A. Ghani Hamid (1933-2014), dan Aliman Hassan (1932-2015). Kesemuanya sembilan orang.

Mesyuarat pertama diadakan di rumah Cikgu Ariff di Nemesu Avenue. Cikgu Ariff mengusulkan agar kumpulan tersebut dinamakan 'Nadwah Sastera', berdasarkan kekata Arab 'Nadwah' yang bermaksud mesyuarat, perhimpunan atau majlis. Beliau kurang selesa dengan frasa 'Sembang Sastera' kerana ia membawa konotasi yang kurang serius. Majlis sepakat menerima usulan tersebut.

Secara bergilir-gilir, kami mengadakan mesyuarat di rumah masing-masing termasuk dua pertemuan di rumah saya iaitu di dua kediaman berasingan, satu di Jurong East dan satu lagi setelah saya berpindah ke Telok Kurau. Kami juga pernah bermesyuarat di rumah Cikgu Aliman di Laguna Park dan rumah Cikgu Masuri di Simei.

Antara lain, kami bincangkan masa depan bahasa dan persuratan Melayu, peranan guru-guru bahasa Melayu, semangat ibu bapa Melayu terhadap bahasa ibunda, sikap generasi muda Melayu, suasana dominan bahasa Inggeris, sikap masyarakat Melayu umum terhadap budaya dan bahasa ibunda mereka sehinggalah kepada menghidupkan suasana budaya Melayu di Kampung Melayu Geylang Serai dan memelihara Istana Kampung Gelam serta kawasan sekitarnya. Dalam pada itu, masa depan Angkatan Sasterawan '50 (Asas '50) juga dibincangkan kerana hampir semua yang terlibat dalam mesyuarat masih atau pernah menganggotai Asas '50.

Secara umumnya, ahli mesyuarat berasa bahawa sesuatu perlu dilakukan untuk menggugah minda masyarakat agar memberi peduli kepada bahasa dan kebudayaan mereka. Saya syorkan agar kami menyiapkan sejumlah esei sempena ulang tahun kemerdekaan Singapura yang ke-25.

"Bagus saranan itu. Cuma kita kenalah rajin buat kajian dan bentangkan apa kita hendak tulis agar ada kesepaduan tema," ujar Cikgu Ariff. Saya telah diminta untuk melakarkan topik menurut bidang tulisan masing-masing. Agar bidang yang ditinjau menjadi lebih luas, kami mengundang beberapa penulis lain termasuk Djamal Tukimin (teater), Hadijah Rahmat (puisi), Isa Kamari (senibina) dan Julina Khusaini (tarian) untuk turut serta.

Saya telah melobi Majlis Pusat pimpinan Encik Zulkifli Mohammed agar menaja keseluruhan projek itu. Seluruh anggota Nadwah telah mengadakan pertemuan dengan pihak Majlis Pusat di rumah persatuan Persatuan Rakyat.

Walaupun tidak bertindak sebagai editor, saya lebih sering menegur karangan esei yang dihasilkan para penulis. Cikgu Suradi Parjo terpaksa menulis semula karangannya untuk beberapa kali dan saya pula berkali-kali memohon maaf kepadanya. Antologi esei tadi kami judulkan *Dinamika Budaya* dengan judul kecil 'Gerak Tindak Menjejak 25 tahun Singapura Merdeka'.

Ketika menghasilkan buku tadi, Noor S.I. kembali ke rahmatullah. Kami terkejut dan sedih kerana almarhum tidak menunjukkan sebarang tanda sakit, hanya lebih berdiam diri dan memandang sayu terhadap kami. Mujur esei karangan beliau telah dapat disiapkan. Esei tersebut menyangkut bagaimana beliau terpaut kepada sastera dan tengkarah mengenai diri beliau sebagai 'penyajak kabur'. Kami sempat mengadakan acara mengenang almarhum di Pusat Drama yang dihadiri sekitar 100 orang. Kami juga adakan pungutan derma kilat untuk membantu balu dan dua orang puteranya yang masing-masing ketika itu masih menuntut di sekolah menengah dan politeknik.

Dinamika Budaya dilancarkan oleh Menteri Negara Hj Othman Haron Eusofe pada 1991. Sejumlah 2,000 naskhah telah dicetak dan diedarkan oleh Majlis Pusat. Kebanyakan anggota Nadwah menerima sejumlah naskhah sebagai saguhati. Buku tersebut dijual kepada banyak persatuan Melayu dan dijadikan 'cenderamata' oleh Majlis Pusat dalam banyak pertemuannya.

Saya pernah menghadiahkan *Dinamika Budaya* kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad dalam majlis anjuran Persatuan Wartawan Melayu Malaysia di Hotel Istana sekitar 1992. Dr Mahathir menyambutnya dengan baik sambil meluahkan rasa gembiranya dengan usaha pelestarian bahasa dan budaya Melayu yang giat berlangsung di Singapura. Kegiatan Nadwah terhenti selepas kebanyakan daripada kami menyertai Asas '50 sebagai ahli Jawatankuasa Pengelola.

Ketika Singapura bakal menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-50, Cikgu Ariff bertanyakan kepada saya sama ada saya ingin terbitkan satu lagi *Dinamika Budaya*. Beliau kemudiannya rasa senang hati apabila diberitahu yang buku *Yang Terukir* suntingan Profesor Madya Dr Hadijah Rahmat bakal diterbitkan sempena sambutan kemerdekaan Singapura ke-50.

Pengalaman bekerjasama dengan Cikgu Ariff membuat saya lebih fahami jalan pemikiran beliau. Hampir setiap waktu terluang, Cikgu Ariff akan memikirkan masa depan bahasa, persuratan dan budaya Melayu di Singapura. Antara cara menghidupkannya, hujah beliau, ialah melalui penerbitkan buku-buku ilmiah dan kreatif. Hal ini dapat menyedar atau menggugah minda pembaca.

Bahagian 3

RANCAKKAN ASAS '50

Suasana persuratan Melayu tak sama macam zaman muda saya ketika semangat kami berkobar-kobar dek zaman menuntut kemerdekaan. Kini orang menilai apa jua kegiatan dari segi keuntungan ekonomi.

SEKITAR 1994, mesyuarat agung Angkatan Sasterawan '50 telah sekali lagi memilih Cikgu Ariff sebagai Ketua Satunya (kini disebut Presiden). Beliau telah meminta para ahli jawatankuasa kerja yang dipanggilnya 'Tegarap' (singkatan tenaga penerap) agar menyemak sistem perlembagaan dan hal ehwal kegiatan persatuan di dalam dan luar negara.

"Saya berhasrat untuk pimpin Asas '50 buat sementara saja. Selepas ini, saya mohon agar ada pelapis yang tampil untuk menggantikan tempat saya," katanya.

Saya terlibat dalam Tegarap Asas '50 daripada tahun 1992 hingga 2002. Dalam pada itu, saya juga Presiden Persatuan Wartawan Melayu daripada 1987 hingga 1999 (bermula sebagai setiausaha pada 1986, kemudian pemangku Presiden selepas wafatnya Saadon Ismail (1945-1987) selaku presidennya).

Memandangkan keadaan kewangannya yang sering sempit, banyak rancangan Asas '50 tidak kesampaian. Mujurlah Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah menghulurkan bantuan besar, iaitu geran sebanyak $30,000 pada pertengahan 1990-an.

"Ini rezeki besar dan kita perlu manfaatkannya dengan sebaik-baiknya. Buktikan Asas '50 boleh menjadi badan yang terus relevan masuk abad ke-21," pesan Cikgu Ariff yang mula menggunakan tongkat untuk berjalan. Beliau sudah beberapa kali jatuh, termasuk di auditorium Mediacorp di Caldecott Hill.

Kami memutuskan untuk memanfaatkan geran itu dengan mengadakan tiga projek penting; iaitu penerbitan memoir Cikgu Ariff yang antara lain menceritakan baktinya dengan MUIS, menganjurkan Dialog Selatan (Pertemuan Sasterawan Johor, Singapura dan Riau) dan penerbitan karya para anggota Asas '50.

Semangat Cikgu Ariff berkobar-kobar walaupun keadaan zahirnya kian melemah sehingga menyukarkannya memandu

keretanya sendiri. Lazimnya Cikgu Suradi Parjo menjadi pemandu kereta Cikgu Ariff. Namun Cikgu Suradi juga mulai uzur dan tidak dapat memandu atau menghadiri mesyuarat Asas '50.

Maka Cikgu Ariff meminta Asmin atau kadangkala saya untuk menjemputnya dari rumah untuk menghadiri mesyuarat Asas '50 di pejabat Encik Abdul Aziz Talib, pengurus Pustaka Malaysia, di rumah kedai sebelah Masjid Sultan di North Bridge Road.

Pada suatu ketika dalam pertengahan 1990-an, kami berjalan di Muscat Street untuk menghadiri mesyuarat Majlis Bahasa. Ketika hendak memasuki bangunan tambahan Masjid Sultan, terlihat seorang pelancong Barat yang sedang menjenguk-jenguk.

Kami berbalas senyuman dan menyapa hormat. Beliau memperkenalkan dirinya sebagai 'Braginsky'. Saya menerka ini tentu Profesor Vladimir Braginsky, mahaguru persuratan Melayu dari Sekolah Pengajian Afrika dan Ketimuran (SOAS), Universiti London. Beliau juga guru kepada Profesor Madya Dr Hadijah Rahmat, kawan karib saya. Maka, saya lawan perasaan segan untuk memperkenalkan Cikgu Ariff dan Cikgu Masuri, yang merupakan para pendiri Asas '50, serta diri saya. Beliau terkejut.

Kami mengajaknya bersembang di bilik mesyuarat. Ketika di bilik tersebut, Prof Braginsky masih tercengang-cengang bak antara mimpi dengan nyata, sambil berkata, "Saya fikir para pendiri Asas '50 sudah tiada. Tidak saya sangka menemui tuan-tuan. Ini detik bersejarah."

Saya memandu Cikgu Ariff pulang selepas pertemuan yang tidak diduga dengan Prof Braginsky. Cikgu Ariff sempat berseloroh, "Para pengkaji, baik di negara jiran mahupun yang jauh seperti London, menyangka Asas '50 sudah tiada lagi. Ini

tugas kita untuk menghidupkan semangat Asas ’50 kepada generasi selanjutnya. Malah ada penulis yang mendakwa Asas ’50 ditubuhkan di Kuala Lumpur kerana menyangka Keris Mas dan Usman Awang yang memang pernah aktif sebagai ahli Asas ’50 di Singapura dan kemudian berkhidmat cemerlang di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.”

Sejak Cikgu Ariff menerajui Asas ’50, kedudukan kewangan badan ini semakin kukuh. Hal ini menggembirakan bendahari dan penolongnya yang silih berganti tempat iaitu Drs Masran Sabran (1938-2018) dan Encik Abdul Aziz Talib. Sesudah Encik Abdul Samad Salimin, urusetia Asas ’50 disandang oleh Cikgu Abdul Samat Ali yang amat berdedikasi.

Selama sekitar tujuh tahun, iaitu sehingga 2001, Cikgu Ariff memimpin pertubuhan yang dikasihinya itu. Asas ‘50 dibentuk di laman rumahnya di 24H Henderson Road pada 1950 yang kemudiannya beralih ke alamat di 16 Nemesu Avenue.

DIALOG SELATAN

Acara yang melibatkan peserta dari Singapura, Riau dan Johor ini telah diadakan di auditorium Masjid Sultan pada 10-12 November 2000. Kami tampung para peserta dari Riau dan Johor di Hotel Golden Landmark. Sayangnya, sambutan daripada peserta dalam negeri, termasuk ahli Asas ’50 agak dingin. Walaupun begitu, Cikgu Ariff tetap memberikan perangsang.

Menurut beliau, “Suasana persuratan Melayu tak sama macam zaman muda saya ketika semangat kami berkobar-kobar dek zaman menuntut kemerdekaan. Kini orang menilai apa jua kegiatan dari segi keuntungan ekonomi. Tapi kita tetap teruskan

juga sebab kita yakin sastera adalah antara keperluan untuk bina kemanusiaan."

Pandangan beliau ini senada dengan cogan kata yang pernah beliau cadangkan dan digunakan oleh Asas '50 sejak pertengahan 1970-an, iaitu 'Sastera Bina Manusia'. Seluruh acara Dialog Selatan berjalan dengan baik. Penyertaan dari Singapura diwakili oleh pembentangan Dr Hadijah Rahmat dan penulis muda, Salihin Sulaiman yang menampilkan senario penerbitan sastera hari muka lewat alam siber.

JALINAN

Hubungan Asas '50 dengan badan-badan sastera serantau memanglah baik. Tokoh utama yang menjadi 'arkitek' pertemuan bersifat serantau ialah Tan Sri Profesor Emeritus Dr Ismail Hussein (1932-2014). Beliau menghormati Cikgu Ariff dan Cikgu Masuri yang dinilainya sebagai para 'pujangga besar'.

Prof Ismail mengakui bahawa usaha Asas '50 untuk merintis Pertemuan Sasterawan Nusantara pada 1977, telah melancarkan acara-acara susulan yang bersifat kerantauan. Ini memandangkan Singapura dinilai sebagai pihak yang bertindak neutral di sebalik suasana hubungan 'abang-adik' di antara Indonesia dengan Malaysia, kesan Konfrontasi tahun 1963-65 dan pelbagai lagi beban sejarah yang mempengaruhi jalinan tersebut.

"Kerana visi besar dan semangatnya yang gagah, Cikgu Ariff sanggup bersusah payah mengundang para penulis dan membentuk Asas '50 di laman rumahnya sendiri. Beliau merupakan tulang belakang gerakan bahasa, sastera dan budaya Melayu rantau ini," ujar Prof Ismail.

Seorang lagi tokoh Malaysia ialah Prof Emeritus Dr Abdullah Hassan yang telah datang ke Singapura untuk mengumpulkan bahan-bahan daripada tiga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu yang pernah diadakan pada 1952, 1954 dan 1956. Makalah Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III telah pun dibukukan tetapi bahan daripada dua kongres awal hampir tidak terakam. Mujurlah Cikgu Ariff masih menyimpan bahan-bahan tersebut termasuk senarai nama peserta, prosiding dan biaya kongres. Walaupun dalam usia senja, daya ingatan Cikgu Ariff masih jitu. Hal ini sungguh menakjubkan Prof Abdullah. Beliau juga mendapati yang hanya tinggal dua tokoh jawatankuasa pengelola Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III yang masih hidup iaitu Prof Diraja Ungku Aziz (1922 -) dan Cikgu Ariff. Namun, Prof Ungku Aziz tidak menyimpan bahan-bahan kongres tersebut.

Bahagian 4

GELAR 'PENDETA'

Di depan saya, beliau amat kritikal terhadap tulisan saya.
Tak pernah ada yang betul.

PADA 1999, Majlis Pusat bercadang untuk menyambut ulang tahunnya yang ke-30 pada 30 Oktober dengan mengundang Perdana Menteri Encik Goh Chok Tong selaku tetamu terhormatnya. Presiden Majlis Pusat, Encik Zulkifli Mohammed telah menghubungi saya untuk mendapatkan pandangan apakah anugerah paling sesuai untuk diberikan kepada Cikgu Ariff yang merupakan antara pengasas badan induk itu. Beliau telah berperanan sebagai penasihat serta pengerusi tetap (lazimnya ketika mempengerusikan serta menyemak penyata mesyuarat agung dwitahunan atau mempengerusikan mesyuarat tergempar).

Dalam pada itu, Cikgu Ariff senantiasa bertindak sebagai bahasawan, sasterawan dan budayawan. Beliau sering menjadi penceramah dan pembentang makalah atau gagasan dalam pelbagai kegiatan Majlis Pusat, termasuklah Seminar Kebudayaan Melayu anjuran bersama Majlis Pusat dan Kesatuan Guru Melayu Singapura pada 1978. Di peringkat Nusantara, beliau sering tampil sebagai suara berwibawa daripada Singapura, terutama dari segi bahasa dan kebudayaan Melayu.

Menurut Prof Emeritus Abdullah Hassan, Cikgu Ariff bertanggungjawab dalam mengadakan tiga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu (1952 di Singapura, 1954 di Seremban dan 1956 di Johor Bahru dan Singapura). Pada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu III, Za'ba (Zainal 'Abidin bin Ahmad) diraikan dengan gelar 'Pendeta'; iaitu suatu pengiktirafan yang amat bermakna kepada seorang tokoh bahasa Melayu. Mungkinkah gelaran sebegitu juga diberikan kepada Cikgu Ariff?

Saya teringat cerita Cikgu Ariff ketika mengenang gurunya, Za'ba yang ditemuinya di SITC.

"Za'ba memang unik orangnya. Beliau tidak mengajar kami secara langsung seperti guru SITC yang lain. Ketika pertama kali

mengikuti ceramah beliau tentang bahasa di SITC pada 1948, saya banyak bertanya. Mungkin kerana itulah beliau ingat pada saya, " kata beliau.

Setelah Za'ba ditugaskan di Singapura dalam bahagian penyiaran radio dan kemudian merintis Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya pada 1952, hubungan bahasawan itu dengan Cikgu Ariff kian mesra. Cikgu Ariff menyambung dengan mengatakan bahawa beliau pernah mengundang Za'ba dua kali untuk dua kongres bahasa, pada tahun 1952 dan 1954. Namun, beliau menolak. Tetapi pada kongres ketiga pada tahun 1956, barulah Za'ba menerimanya.

"Ini menunjukkan beliau amat berhati-hati dalam apa jua tindakannya; daripada segi membubuh tanda ayat sehinggalah kepada menghadiri atau menyokong sesuatu kegiatan atau acara. Di depan saya, beliau amat kritikal terhadap tulisan saya. Tak pernah ada yang betul. Kemudian saya dapat tahu daripada seorang guru kanan, beliau memuji saya sebagai antara muridnya yang berjaya," kenang Cikgu Ariff.

Saya mengesyorkan kepada Presiden Majlis Pusat, Encik Zulkifli Mohammed agar memikirkan anugerah tertinggi untuk Cikgu Ariff. Akhirnya, Majlis Pusat memutuskan untuk mengurniakannya gelar 'Pendeta' yang dinilai memang paling layak untuk beliau. Antara ukur taranya ialah ilmu beliau mengenai bahasa dan kebudayaan Melayu bak 'ensiklopedia' dan baktinya yang besar, tidak mengira waktu. Ternyata sambutan masyarakat tampak merestui gelar 'Pendeta' itu.

"Saya macam tidak percaya, begitu tinggi anugerah diberikan atas usaha saya. Apalah saya jika dibandingkan dengan Almarhum Za'ba," Cikgu Ariff memberitahu saya.

Media berbahasa Melayu di Singapura dan Malaysia juga menyambut baik pemberian gelar 'Pendeta' kepada Cikgu Ariff. Yang aneh ialah penerimaan rakan-rakan sasterawan dari Indonesia kerana terbiasa dengan gelar 'Pendeta' yang dikaitkan dengan paderi Kristian Protestan. Namun Di Minangkabau, ulama Islam pernah disebut pendeta, seperti yang tercatat dalam novel Marah Roesli, *Siti Noerbaja*, "...tatkala dilihat oleh pendeta itu akan hal.." Padanan istilah 'pendeta' untuk agama Islam ialah 'ustaz'. Menurut Kamus Dewan, 'pendeta' bermaksud orang yang banyak dan mendalam ilmunya. Kekata ini asal bahasa Sanskerta. Di India, kekata seiras yang digunakan ialah 'pandit' yang bermaksud 'mahaguru' sebagaimana gelar yang diberikan kepada perdana menteri India yang pertama, Jawaharlal Nehru (1889-1964).

Setelah menerima gelar tadi, Cikgu Ariff bercadang untuk menulis kisah hidupnya atau memoir dan juga sebuah buku kebudayaan yang agak lengkap. Beliau meminta saya agar membantunya.

Bahagian 5

ZIARAH KE KL

...aku tanya kepada mereka sama ada mereka kenal akan MAS atau Cikgu Ariff ataupun Masuri S.N....

PADA 19 Jun 2000, Cikgu Ariff telah diundang Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia ke Kuala Lumpur untuk diwawancara dan berceramah. Dalam keadaan tidak kuat berjalan, beliau memerlukan saya untuk mengiringinya. Di lapangan terbang, Changi dan KLIA, beliau perlu menggunakan kerusi roda.

Kami sepatutnya ditempatkan di Hotel Grand Continental yang bertaraf lima bintang. Entah macam mana, mungkin silap perhubungan, seorang pegawai DBP yang menjemput kami daripada lapangan terbang, KLIA telah menempatkan kami di sebuah hotel lama, Hotel Grand. Kami tidak menyedari hal ini sehinggalah setelah terserempak dengan Cikgu Salleh Kidam yang tercengang mendapati kami berada di hotel lama itu.

"Sepatutnya Cikgu ditempatkan di Hotel Grand Continental. Baru kena tempatnya," ulas Cikgu Salleh yang sering berulang alik di antara Singapura dengan KL. Beliau minta izin untuk tidur sekamar dengan kami.

"Tak mengapalah saya tidur di lantai," katanya yang bertilamkan selimut. Cikgu Salleh berhenti kerja sebagai guru tetap di Singapura dan menceburi bidang niaga yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu dan pengajarannya di Malaysia. Cakap mudahnya, beliau seorang guru berjiwa usahawan.

Keesokan harinya selepas bersarapan, kami diundang ke auditorium Perpustakaan Negara Malaysia. Perjalanan menggunakan kereta agak lambat kerana kesesakan jalan raya. Kami sempat melawat beberapa bahagian perpustakaan yang gah. Bumbungnya berbentuk seperti tanjak. Ada beberapa bahagian bangunan itu yang sedang menjalani kerja ubah elok.

Auditorium yang boleh memuatkan sekitar seribu orang itu tampak lengang. Kami diperkenalkan kepada Datuk Patinggi

Abdul Rahman Yaacob (1928-2015), mantan Ketua Menteri Sarawak dan pernah menjadi menteri pendidikan Malaysia. Seorang lagi penceramah iaitu Tan Sri Kontik Kamariah binti Ahmad (1911-2006) tidak hadir kerana sakit. Jadi, hanya dua tokoh lelaki yang memberikan ceramah pada pagi itu.

Lama kami menunggu kedatangan tetamu terhormat, maka mahu tidak mahu majlis terpaksa dimulakan. Difahamkan tetamu terhormat terkandas dalam kesesakan jalan raya di KL.

Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaacob membuka ceramahnya dengan mengungkapkan erti 'masa' dan 'janji Melayu' serta 'jam karet' iaitu perihal tidak tepat waktu atau *unpunctuality*. Beliau menjelaskan peri penting disiplin tinggi dalam mencapai matlamat kecemerlangan dalam apa jua bidang yang bermanfaat, terutama pendidikan serta penggunaan bahasa Melayu dari sejak zaman merdeka sehingga sesudah merdeka serta memasuki Alaf Baru.

Apabila tiba giliran Cikgu Ariff untuk memberi ceramah, hati saya berdebar-debar. Cikgu Ariff menceritakan pengalamannya bergiat dalam lapangan bahasa dan kesusasteraan Melayu sejak kecil sehingga berusia senja. Waktu beliau mengisahkan tentang perkembangan bahasa Melayu semasa zaman Pendudukan Jepun, beliau menceritakan bagaimana ejaan Melayu Malaya dan Hindia Timur, khususnya Sumatera diseragamkan dengan satu ejaan ciptaan Zainal Abidin Ahmad. Menurut Cikgu Ariff, Zainal Abidin Ahmad yang dimaksudkannya bukanlah pendeta Za'ba tetapi seorang pengarang dari Medan yang kebetulan mempunyai nama yang serupa dan yang menariknya, kedua-dua mereka berdarah Minangkabau. Bezanya, Zainal Abidin pernah menjadi wartawan dan pengasuh majalah *Fajar Asia* yang diterbitkan oleh

pemerintah Jepun sebagai bahasa propaganda. Za'ba (1895-1973) tidak pernah menjadi editor akhbar tetapi sering menulis untuk media massa.

Demi memudahkan aspek pembacaan, Zainal Abidin menyeragamkan sistem ejaan rumi dua wilayah. Boleh dikatakan beliau berjaya, ujar Cikgu Ariff yang turut memberikan sumbangan makalah kepada majalah itu dan pernah beberapa kali bertemu dengan editornya.

Terdengar semacam keluhan terperanjat dan hairan dalam auditorium itu. Barulah terdedah siapakah sebenarnya Zainal Abidin Ahmad (1911-1983), bekas pengarang *Panji Islam*, antara pemimpin parti Masyumi dan pernah menjad Speaker dalam parlimen Indonesia. Beliau merupakan tokoh pertama yang 'menyatukan' ejaan dua wilayah jajahan British dan Belanda dalam zaman Pendudukan Jepun yang juga penjajah walaupun dalam tempoh yang singkat; iaitu tiga tahun setengah. Difahamkan Zainal Abidin merupakan penulis prolifik yang berjiwa Islam, dan antara karya besarnya ialah *Membentuk Negara Islam*.

Sesudah seminar tersebut, Cikgu Ariff diwawancara oleh dua pegawai kanan DBP di Hotel Grand pada tengah hari. Saya tidak mengikuti wawancara itu. Pada lewat petang pula, kami menziarahi rumah anak angkat Cikgu Ariff yang terkenal dengan nama samaran Abdul Ghani Rokambul. Nama sebenarnya ialah Mustafa Rani, seorang penulis dan pernah menjadi wartawan di Singapura dan kemudian di Kuala Lumpur. Pada malamnya, kami singgah di rumah Abdul Samad Ismail, wartawan tersohor dan penasihat kumpulan akhbar *The New Straits Times*.

"Eh Ariff, kau dah pakai tongkat?" tanya Pak Samad. Cikgu Ariff membalas, "Ya, tongkat aku mata satu. Tapi kau dah pakai tongkat mata empat!"

Mereka tertawa menyedari akan keadaan diri senja masing-masing. Mereka adalah anak Singapura yang lahir pada tahun yang sama, iaitu 1924.

Malam itu sungguh bersejarah kerana mereka bercerita tentang kisah Singapura dalam era 1950-an. Terpapar keakraban Pak Samad dengan Cikgu Ariff mengenai Angkatan Sasterawan '50 dan perjuangan masing-masing untuk rumpun Melayu.

Pak Samad berkata, "Kau tahu Man, ketika aku jadi ketua di *Utusan Melayu*, aku pastikan setiap wartawan tahu tentang perkembangan bahasa dan persuratan Malaya, termasuk Singapura. Ketika mewawancara calon yang melamar kerja di *Utusan*, aku tanya kepada mereka sama ada mereka kenal akan MAS atau Cikgu Ariff ataupun Masuri S.N. Apabila mereka tidak dapat menjawab, aku katakan kepada mereka yang mereka tidak layak jadi wartawan kerana tidak ikuti perkembangan persuratan Melayu."

Cikgu Ariff tersenyum mengikuti cerita tadi. Kedua-dua mereka bercerita tentang perjuangan menentang penjajah lewat wahana bahasa dan persuratan Melayu yang menyatukan rakyat pelbagai bahasa, bangsa dan agama.

"*Utusan* beri sokongan kepada Asas '50 untuk membela rakyat miskin dan menentang penjajah, serta tentulah mendapatkan kemerdekaan," sambung Pak Samad.

Kami bercerita tentang ehwal umat Islam di Singapura dan Malaysia serta jangkaan hari muka. Pak Samad cukup gembira dengan kemajuan umat Islam, terutama Melayu Singapura.

"Anak-anak saudara aku berjaya menjadi profesional termasuk pendaftar mahkamah. Memanglah tidak sama keadaan Melayu di Singapura yang perlu berlumba-lumba berbanding orang Melayu di sini. Tapi persaingan perlu untuk kemajuan hari muka," kata Pak Samad.

Kami ngobrol sampai jam 11.30 malam dan kemudian minta izin untuk beredar dengan mendapatkan teksi untuk pulang ke hotel.

Di dalam teksi, Cikgu Ariff tersenyum panjang mengingat akan pertemuan dengan rakan lamanya itu.

"Samad memang pejuang serius dan penuh dengan idea untuk membangun masyarakat. Dia tidak pernah jadi ahli Asas '50 tapi tokoh yang selalu menasihati para ahli-ahli Asas '50 yang bekerja di pejabat *Utusan Melayu* seperti Keris Mas dan Usman Awang. Dia penyokong kuat Asas '50," ceritanya.

Bagaimanapun, Cikgu Ariff sedar bahawa tokoh seperti Pak Samad sering tercampak dalam percaturan politik.

"Adakalanya kita berada di pihak yang menang, adakala kita turut kecundang bila berada di pihak yang kalah. Dan adakalanya kita jadi mangsa baik kepada pihak yang menang mahupun yang kalah," kata Cikgu Ariff yang selalu cuba mengelakkan diri daripada 'masuk' politik.

Menurutnya, dalam 1950-an, beliau pernah berkali-kali ditawarkan untuk menjadi calon dalam parti siasah yang utama di Singapura. Namun, beliau tidak memberikan nama-nama parti yang melamarnya. Sebagai antara orang Melayu yang dianggap 'cendekiawan' dan punya kereta pula, beliau sering diminta untuk menghadiri pertemuan masyarakat, termasuk anjuran parti siasah.

"Saya pernah bersama Hj Yaacob Mohamed dan Ahmad Ibrahim, kededuanya dari PAP. Mereka pernah naik kereta saya

sesudah mereka berkempen atau jumpa penduduk. Mereka minta maklum balas saya tentang tanggapan masyarakat Melayu; daripada soal bahasa sehinggalah kepada hubungan dengan pemerintah. Tapi setakat itu sajalah," ceritanya.

Bahagian 6

HUBUNGAN KAUM

...hebahkan penggunaan bahasa Melayu bukan saja untuk orang Melayu, tapi seluruh warga Singapura yang berminat.

SEMANGAT insani atau humanisme Cikgu Ariff memang amat ketara dalam hubungannya dengan masyarakat berbilang kaum di Singapura. Hal ini terserlah pada layanannya kepada jiran-jirannya yang termasuk kaum Cina dan India. Malah bagi pembentukan Asas '50, semangat insani tadi begitu tebal iaitu semangat membela golongan miskin atau terpinggir tanpa menyebut bangsa tertentu. Hal ini yang antara lain menarik perhatian cendekiawan Cina, terutama mahasiswa dan siswazah Universiti Nanyang.

Selepas Pendudukan Jepun, bertiup suatu semangat untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajah dan seruan agar bahasa Melayu dimartabatkan sebagai Bahasa Kebangsaan di Malaya dan Singapura.

"Waktu itu memang sudah mula ada prasangka kaum, tapi pada umumnya orang Melayu, Cina dan India dapat berjiran dan berhubung dengan baik," cerita Cikgu Ariff.

"Malah, ada sikap masyarakat Cina yang sanggup menyerahkan anak perempuan mereka yang lahir dalam tahun harimau, kononnya dikatakan membawa sial, kepada orang Melayu dan serba sedikit kepada orang India," tambahnya.

Asas '50 berjaya menjadi tulang belakang tiga Kongres Bahasa dan Persuratan pada 1952 di Singapura, 1954 di Seremban dan 1956 di Johor Bahru dan Singapura. Menurut Cikgu Ariff kejayaannya tersebut mencerminkan sikap pragmatik Asas '50, dalam memacu kemerdekaan watan.

Tidak hairanlah para cendekiawan pelbagai bangsa merapati para anggota penggerak Asas '50 terutama Usman Awang yang terkenal sebagai penyajak romantis dan humanis.

"Saya mula dikenali oleh kaum bukan Melayu setelah novelet saya, *Sarah Pengarang Kechil* diterbitkan dan digunakan

sebagai teks sastera di sekolah dan pembelajaran bahasa Melayu juga diharuskan untuk pelajar bukan Melayu," cerita Cikgu Ariff.

Entah macam mana, pada suatu hari, Cikgu Ariff menaiki beca yang dikayuh seorang lelaki Cina. Apek beca ternampak novelet *Sarah Pengarang Kechil* yang dibawa Cikgu Ariff. Beliau menceritakan bahawa novelet itu sudah diterjemahkan ke bahasa Mandarin. Cikgu Ariff kaget.

"Saya selidik dan dapati ada penerbit Cina yang terbitkan novelet itu tanpa pengetahuan atau izin saya. Saya beritahu kawan-kawan Asas '50 dan ada yang menasihati saya agar buat surat lawyer untuk beri amaran dan tuntut ganti rugi," ceritanya.

Surat peguam berkesan ke atas penerbit tadi yang akhirnya sanggup membayar honorarium atau saguhati kepada Cikgu Ariff. Dalam zaman 1950-an, Cikgu Ariff terlibat dalam semacam kempen untuk mendekati masyarakat tidak kira bangsa.

"Tak perlulah saya sebutkan namanya. Kereta saya pernah digunakan oleh pemimpin politik untuk menemui rakyat. Saya balik rumah sehingga larut malam. Namun, saya lakukan ini semua demi menjayakan rancangan badan-badan Melayu, termasuk Majlis Pelajaran Melayu yang berjuang untuk memastikan aliran Melayu dikekal dan dipertingkat ke taraf menengah atau setinggi yang mungkin.

"Saya turut mengasaskan dan mewakili Majlis Pelajaran Melayu (diasaskan pada 1955) ketika zaman Ketua Menteri Lim Yew Hock. Sudah ada semacam perjanjian agar masa depan sekolah aliran Melayu diperjuangkan. Tetapi saya masih ingat ketika saya berikan fail kepada seorang menteri muda. Fail yang mengandungi hasil seminar dan ketetapannya itu dicampakkan ke atas almarinya. Hati saya terguris," ceritanya.

Ketika PAP membentuk pemerintahan sendiri (*self rule*), antara janjinya ialah menjayakan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan menubuhkan sekolah menengah Melayu. Cikgu Ariff tampak akan harapan besar kerana kemungkinan Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia.

"Pemerintah PAP amat serius untuk masuk Malaysia demi meraih pasaran dan tentulah penakatan lebih baik. Waktu itu, tiada persoalan dalam masyarakat kerana ada rasa percaya-mempercayai. Jadi, orang Cina, India dan Serani dengan terbuka belajar bahasa Melayu. Mentelah pemerintah berikan kenaikan pangkat dan gaji kepada kakitangan awam untuk lulus bahasa Melayu," ceritanya.

Beliau dan rakan-rakan guru seperti Cikgu Masuri Salikun (Dr Masuri S.N.) gigih mengajar kelas bahasa Melayu untuk pelajar bukan Melayu, sesudah mengajar pada sebelah pagi. Adakalanya, mereka mengajar sehingga lewat malam. Ganjarannya memang berbaloi. Antara lain, duit hasil mengajar itu digunakan oleh Cikgu Ariff dan Cikgu Masuri untuk membeli hartanah di Johor Bahru.

"Ketika itulah saya berkenalan dengan ramai pelajar Cina," kata Cikgu Ariff. Antara pelajar beliau ialah mendiang Presiden Dipilih yang pertama, Ong Teng Cheong. Ketika menziarahi Masjid Al-Mutaqqin, Encik Ong mengakui bahawa Cikgu Ariff adalah guru bahasanya ketika di Sekolah Gan Eng Seng.

Dalam pada itu, Cikgu Ariff juga berkenalan dengan ramai mahasiswa dan pensyarah Universiti Nanyang atau Nantah. Mereka termasuklah Encik Yang Quee Yee (kini Profesor), Dr Tan Tan See dan Encik Goh Choo Keng. Selain itu, mahasiswa Nantah menghasilkan warta dalam bahasa Melayu, *Mimbar Universiti*.

Menurut Puan Chan Maw Woh, isteri Prof Yang, Cikgu Ariff dan rakan-rakan dari Asas '50 memang cukup mesra dengan para pelajar Cina yang mengambil bahasa Melayu. Puan Chan, mantan wartawan yang terkemuka kerana sumbangannya memperkenalkan sastera Melayu kepada masyarakat Cina, merupakan antara segelintir penyokong setia kepada Dana MAS dan beliau juga ahli Asas '50.

"Puan Chan dan suaminya, Prof Yang, merupakan jambatan antara rumpun Melayu dan rumpun Cina," ujar Cikgu Ariff. Puan Chan telah dianugerahi Anugerah Sahabat Persuratan oleh Asas '50 pada 2010, sementara Prof Yang pula telah diberikan Anugerah Khas oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura pada 2015 sempena 50 tahun kemerdekaan tanah air ini. Mereka berdua merupakan penyusun kamus Mandarin-Melayu-Inggeris yang gigih.

Menurut Cikgu Ariff lagi, "Semboyan atau cogan kata Asas '50 iaitu 'Seni Untuk Masyarakat', bersifat universal. Pembelaan kami ke atas mereka yang tertindas, miskin dan terpinggir memang menarik perhatian para mahasiswa dan pensyarah Nantah yang berminat besar pada bahasa Melayu."

"Sayang sekali, terdapat tempelan imej pada mereka iaitu mereka digelar 'golongan kiri'. Penjajah British pula mengaitkan mereka dengan komunis yang cuba menyebarkan pengaruh dan kuasanya di rantau ini. Tempelan itu semacam berterusan sehingga selepas merdeka," cerita Cikgu Ariff.

Antara 1956 sehingga 1958, menurut laporan Li Chuan-shou @ Li Chuan Siu (*Mimbar Universiti*, Disember 1958:2), sekitar 300 mahasiswa Nantah (sekitar 23 peratus daripada seluruh mahasiswa Nantah) mengikuti kursus bahasa Melayu dua

jam seminggu yang turut dibimbing oleh Cikgu Masuri Salikun (Masuri S.N.) dan Cikgu Ehsan Hj Ali.

"Suasana belajar bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di Malaya dan Singapura memang membanggakan. Itulah sebabnya generasi lama bukan Melayu di negara kita, Singapura, masih tahu berbahasa Melayu," kenang Cikgu Ariff.

"Itulah harapan saya kepada Majlis Bahasa Melayu iaitu hebahkan penggunaan bahasa Melayu bukan saja untuk orang Melayu, tapi seluruh warga Singapura yang berminat. Perluasan ini akan membolehkan bahasa Melayu subur semula sebagai bahasa percakapan sehinggalah menjadi wahana sastera dan pemikiran," ujar beliau.

Bahagian 7

PERJALANAN MAS

...saya malulah nak jejerkan kisah saya.

PADA awal tahun 2000, Cikgu Ariff menunjukkan saya sebuah album yang lengkap dengan gambar dan kapsyen yang mengisahkan diri beliau daripada kecil sehingga usia senja. Terdapat belasan album di rumah beliau. Namun yang sebuah ini agak istimewa kerana dengan menyelaknya saja, terpapar kisah hidup beliau selayang pandang.

"Mengapa tak tulis memoir saja, Cikgu?" tanya saya.

"Maksud awak riwayat hidup saya?" balas beliau.

Saya jelaskan riwayat hidup boleh ditulis oleh orang lain yang dipanggil 'biografi' atau ditulis oleh penulisnya sendiri, maka dipanggil 'autobiografi'. Bezanya 'memoir' dengan 'autobiografi' ialah ia ditulis penulisnya berdasarkan apa yang diingatnya secara ikhlas, tanpa membuat pelbagai rujukan seperti menulis makalah ilmiah. Cikgu Ariff gembira dengan cadangan saya itu. Tapi kemudian, beliau berfikir panjang dengan wajah berkerut.

"Tapi saya malulah nak jejerkan kisah saya. Nanti orang kata 'mengada-ngada' atau nak menunjuk-nunjuk," ulas beliau.

"Itu dulu Cikgu. Lee Kuan Yew pun buat semacam memoir walaupun ia merupakan hasil daripada wawancara para wartawan kanan *The Straits Times*," ujar saya.

"Ha, kita pakai kaedah itu. Awak yang wawancara saya, jadi saya seperti menjawabnya," saran beliau.

"Oh, begitu. Bolehlah," jawab saya.

Maka saya deretkan sejumlah soalan utama untuk beliau jawab yang dapat disusun secara pentarikhan atau kronologi – dari zaman cilik, remaja, pemuda, dewasa sehingga tua. Pelibatannya dalam menubuhkan Asas '50 sehingga sejumlah badan gerakan masyarakat yang lain, kongres bahasa dan

persuratan Melayu. Tentulah tidak ketinggalan para tokoh yang telah mempengaruhi langkah dan liku hidup beliau.

Sedang Cikgu Ariff mula gigih mengetik untuk menyiapkan memoirnya, saya pula sibuk mengikhtiarkan biaya penerbitan. Cikgu Ariff meminta saya menjadi editor memoirnya. Saya berikan judul yang mudah dan ringkas saja iaitu *Perjalanan MAS*. Beliau setuju. Dalam mesyuarat Jawatankuasa Kerja Asas '50, saya laporkan cadangan untuk menghasilkan memoir itu. Umumnya, semua bersetuju. Namun, Asas '50 tidak mempunyai dana yang mencukupi. Akhirnya, saya katakan bahawa saya akan mengusahakannya.

Memandangkan yang saya berada dalam Jawatankuasa Maklum Balas Majlis Ugama Islam Singapura, saya ketengahkan peri pentingnya untuk merakamkan kisah para tokoh utama masyarakat Melayu-Islam Singapura. Hal ini mengambil kira bahawa buku atau dokumentasi mengenai tokoh-tokoh Melayu di nusa ini agak langka. Untuk menyungguhkan kemukaan tersebut, saya lanjutkan pandangan Dr Shaharuddin Maarof, pemangku Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) yang menyatakan bahawa orang Melayu Singapura amat perlukan profil sosio-sejarahnya. Jika tidak, mereka seakan-akan tiada berbekas di negara ini.

Dengan izin Allah SWT, Majlis Ugama Islam Singapura menghulurkan geran $30,000. Ia merupakan pendanaan yang terbesar yang pernah kami terima dan di luar dugaan sama sekali. Kami amat bersyukur. Dalam surat terima kasih, kami nyatakan bahawa geran itu akan digunakan untuk menghasilkan memoir Cikgu Ariff, mengadakan acara perhimpunan sasterawan tiga daerah Sijori (Singapura, Johor dan Riau) yang dipanggil 'Dialog

Selatan' dan untuk membiayai penerbitan dan kegiatan Asas '50 yang lain.

Bersandarkan album Cikgu Ariff yang disebut sebelum ini, kerja menghasilkan memoir tadi ternyata lancar. Kurang setahun, teksnya telah siap. Saya meminta Sulhan Rawi (1955-), penata terbaik Berita Harian untuk membantu saya membuat penyusunan memoir itu pada luar waktu kerjanya. Dalam lima bulan, Sulhan telah menyudahi tugas tersebut. Abdul Aziz Talib dari Pustaka Malaysia pula diminta menjadi pencetak kerana kosnya memang berdaya saing iaitu dicetak di Johor Bahru.

Entah mengapa, Asas '50 tidak dapat menghulurkan biaya $10,000 ketika itu. Saya kehairanan. Cikgu Ariff selaku Presiden Seumur Hidup Asas '50 tidak berkata apa-apa. (Seyogia, pada 2018, Asas '50 telah membuat sumbangan $10,000 kepada Dana MAS.)

"Raman, cubalah ikhtiarkan yang lain," ujar Cikgu Ariff.

Maka saya temui pimpinan Majlis Pusat dan meminta menyokong saya untuk menerbitkan memoir itu. Saya sendiri melakarkan surat-menyurat yang ditandatangani Presiden Majlis Pusat, Zulkifli Mohammed, demi mendapatkan dana, termasuk daripada Yayasan Lee.

Alhamdulillah, wang yang terkumpul lebih daripada cukup untuk membayar kos penyuntingan dan percetakan. Sebagai editor, saya tidak menerima sebarang imbalan. Ada sedikit lebihan daripada wang terkumpul itu, saya berikan kepada Cikgu Ariff dan selebihnya untuk majlis pelancarannya di Singgahsana, kompleks Kampung Melayu Geylang Serai.

Kebetulan Cikgu Ariff dan isterinya, Sarinah Haniff, menyambut ulang tahun ke-50 perkahwinan mereka pada 2003. Maka, kami meminta mereka memakai persalinan kuning seperti

raja dan permaisuri sehari. Acara diserikan oleh Menteri Negara Hj Zainul Abidin Rasheed.

Cikgu Ariff mengetepikan 100 naskhah memoirnya yang berkulit tebal untuk diberikan kepada sesiapa saja yang beliau senangi. Sekitar 900 naskhah memoir itu (berkulit tipis) dibahagikan kepada Asas '50, Majlis Pusat dan Persatuan Guru Bahasa Melayu. Inilah tiga persatuan yang mana Cikgu Ariff terlibat secara langsung dalam penubuhan mereka.

Ternyata memoir itu mendapat sambutan baik. Presiden Gabungan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) Tan Sri Profesor Emeritus Ismail Hussein yang menghadiri acara pelancaran itu, telah meminta memoir itu dilancarkan juga di Kuala Lumpur. Sayangnya, saya berhalangan untuk ikut rombongan ke Kuala Lumpur. Mujurlah, Majlis Pusat pimpinan presidennya Zulkifli Mohammed, telah mengadakan rombongan bas ke Rumah Gapena bagi pelancarannya pada tahun 2004.

Pengalaman menghasilkan memoir tadi membuat saya amat mengagumi Cikgu Ariff dari segi daya ingatannya yang luar biasa.

"Ini anugerah Ilahi buat saya," katanya merendah hati. Beliau dapat mengingat sesuatu perkara sampai ke rinciannya. Misalnya, beliau masih hafal nombor lencana polis yang dimiliki Jymy Asmara (Jaffar bin Mohamad, 1921-1971), juga nombor plat motosikal Cikgu Suratman Markasan (1930-) ketika terjatuh daripada kenderaannya. Sering kali jika ada tetamu datang dan kebetulan membawa beg dan sebagainya, beliau akan mengingatkan mereka di mana ditinggalkan barang-barang tadi, sebelum berpamitan pergi. Begitulah kuatnya daya ingatan beliau.

Bahagian 8

SERAH KHAZANAH

Inilah sumbangan saya yang tak seberapa.
Saya ni tak kaya untuk berikan wakaf.

ALAMAT 16 Nemesu Avenue merupakan kediaman Cikgu Ariff yang paling lama sejak berumah tangga pada 1953 sehinggalah saat akhirnya. Rumah tersebut amat bersejarah kerana telah banyak menerima tetamu; daripada kalangan murid sekolah sehingga pemimpin negara. Di sinilah juga tersimpan khazanah Cikgu Ariff iaitu segala buku, nota dan piala-piala yang diterimanya. Encik Iskandar Mydin, mantan kurator dan pengarah Muzium Negara Singapura, menyifatkan barangan-barangan di rumah Cikgu Ariff, bukan sekadar buku sahaja, tetapi boleh dianggap khazanah negara.

Saya pernah beberapa kali menggeledah rak-rak buku dan kabinet fail Cikgu Ariff. Itupun apabila beliau meminta saya mencarikan sesuatu kerana kakinya lemah untuk bergerak. Ketika saya dimintanya menaiki tangga untuk ke loteng rumahnya, saya ternampak buku-buku yang mula rosak akibat terkena hujan dan panas.

"Cikgu, sayang sekali buku-buku ini terbiar dan rosak. Mengapa tak dijual saja?" saran saya.

"Siapa nak beli?" tanya Cikgu Ariff.

"Nanti saya tanyakan National Library," saya balas.

Ketika itu, sekitar tahun 2005 atau 2006, saya telah dilantik sebagai pengerusi jawatankuasa pameran Melayu di Perpustakaan Negara. Saya telah mengesyorkan diadakan Pameran Aksara Melayu yang sekali gus menunjukkan peralihan tamadun di Alam Melayu. Dalam pada itu, terjalinlah hubungan akrab saya dengan kalangan pegawai NLB (Lembaga Perpustakaan Negara). Dengan demikian, saya sempat syorkan agar buku dan segala khazanah Cikgu Ariff diperolehi oleh NLB. Saya berkempen sendirian untuk mendapatkan perolehan nilai yang maksimun

iaitu $30,000. Alhamdulillah, usaha dan doa saya, serta tentulah bersama Cikgu Ariff, dimakbulkan Allah SWT.

Dua orang pegawai kanan NLB, Mazelan Anuar dan Juffri Supa'at telah ditugaskan untuk mengurus khazanah Cikgu Ariff. Walaupun rasa sedih berpisah dengan sebahagian daripada khazanahnya, Cikgu Ariff tampak redha. Ketika melihat buku dan rencana tulisannya dipunggah keluar, Cikgu Ariff termangu.

"Yalah dulu semuanya di rumah ini. Saya dah tua, entah-entah pergi esok. Siapa nak uruskan semua ini? Jadi, ada baiknya semua ini ditaruh di tempat yang orang ramai dapat merujuknya. Inilah sumbangan saya yang tak seberapa," kata Cikgu Ariff sambil menyebut pesan Rasulullah s.a.w – '*apabila mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh lagi mendoakannya*'.

"Saya ni tak kaya untuk berikan wakaf. Tentang anak, saya pulangkan kepada mereka untuk mendoakan saya. Cuma saya harap ilmu yang saya curahkan diredhai Ilahi kelak," katanya dengan nada sebak.

Ketika menerima cek bernilai $30,000 daripada NLB, Cikgu Ariff segera menelefon saya.

"Nak buat apa duit ini, Raman?"

"Tentulah Cikgu boleh gunakan. Sebab Cikgu beli buku dan siapkan makalah. Semua itu lebih besar nilainya daripada cek tersebut," jawab saya.

"Tak boleh, ini duit orang ramai yang disampaikan sebuah agensi pemerintah kepada saya. Masakan saya tergamak nak makan daripada cek ini. Nantilah kita fikirkan," katanya.

Saya terkedu. Saya fikir masalah khazanah telah selesai, tapi sekarang timbul masalah baru pula.

Bahagian 9

ANUGERAH MAS

Kita fikirkan cara bagaimana harus kita belanjakan duit ini agar kembali semula kepada masyarakat.

SEJAK ada $30,000 di dalam akaun banknya, Cikgu Ariff resah gelisah. Saya menyarankan agar beliau gunakan wang tersebut.

"Cikgu gunakanlah duit itu. Memang itu hasil keringat Cikgu beli buku dan sebagainya. Halal," kata saya.

"Kita fikirkan cara bagaimana harus kita belanjakan duit ini agar kembali semula kepada masyarakat," balasnya.

Lama juga kami fikirkan. Akhirnya saya beri saranan, "Cikgu, kita adakan Anugerah MAS. Wang tadi, kita taruh dalam akaun Majlis Pusat. Kita gunakan duit bunganya untuk dijadikan hadiah."

"Ah, elok tu! Bila kita nak mulakan?" tanya beliau.

Dipendekkan cerita, saya bertemu dengan Encik Zulkifli Mohammed, presiden Majlis Pusat dan para ahli ekskonya. Mereka menyokong gagasan Anugerah MAS. Wang benih daripada jualan khazanah Cikgu Ariff dijadikan modalya. Saya juga diberikan peluang menambah dana yang terkumpul dengan menghantar surat rayuan menggunakan kepala surat Majlis Pusat.

Alhamdulillah, kami sempat memberikan Anugerah MAS sekali setiap tahun, selama empat tahun iaitu daripada tahun 2006 hingga 2009. Kesemuanya 16 orang aktivis muda dalam bidang bahasa dan persuratan daripada kalangan penulis, guru, asatizah dan sebagainya telah menerima anugerah tersebut.

Selain Majlis Pusat, kami telah mendapat sokongan Asas '50, Persatuan Guru Bahasa Melayu, Persatuan Guru Agama dan Ulama Singapura yang masing-masing berwakil dalam jawatankuasa pengelolanya. Saya dan Asmin (Abdul Samad Salimin) mewakili pihak Cikgu Ariff. Anugerah MAS pertama kali dilancarkan di Auditorium Majlis Sultan dengan pihak masjid menaja kos tempatnya.

Antara para penerimanya termasuk Dr Mohd Pitchay Gani Abdul Aziz dan Ustaz Syed Mustafa Syed Ja'afar Alsagoff. Kami hentikan kegiatan penganugerahan tersebut selepas mendapati ada pertindanan dengan anugerah serupa yang diberikan Majlis Bahasa Melayu untuk kategori 'Penulis Harapan'. Dalam banyak aspek, tujuan kededuanya sama.

"Jumlah aktivis bahasa dan persuratan yang berbakat memang kecil. Jika orang yang sama dapat hadiah dua kali, saya rasa tidak berbaloi. Biarkan satu pihak saja yang berikan anugerah. Man, kita mengalah sajalah," Cikgu Ariff membuat keputusan.

Wang benih yang tersimpan dalam akaun Majlis Pusat tidak terusik, bahkan bertambah. Ini disebabkan adanya usaha Majlis Pusat menerusi surat rayuan derma untuk mendapatkan sokongan daripada Yayasan Lee dan sebagainya.

Sekali lagi, wang tadi menjadi bebanan bagi saya. Saya telah menghubungi pihak Majlis Pusat dan menjelaskan keputusan Cikgu Ariff. Mereka akur dan menghormatinya. Dalam pada itu, ramai orang tertanya-tanya, apakah langkah lanjutan selepas Anugerah MAS dihentikan. Hal ini membuat saya berasa malu dan serba salah. Apabila saya ajukan kepada Cikgu Ariff, beliau sekadar tersenyum saja.

"Kita sedekahkan saja wang itu untuk kegunaan badan masyarakat atau sebagai dermasiswa yang diberikan sekali saja," katanya.

Namun saya berasa amat terkilan jika kisah wang benih itu terhenti di situ saja. Saya ingin semacam kesan yang berpanjangan dan lejangan dalam jangka panjang. Maka itu, saya bersolat istikharah selama tiga hari dan memohon petunjuk Ilahi untuk

memberikan ilham terbaik bagi memanfaatkan dana melebihi $32,000 yang terkumpul dalam tempoh empat tahun.

Selepas beberapa bulan, soal wang itu masih belum selesai. Dalam hati, saya yakin dana sebegini boleh berkembang kerana sokongan masyarakat kepada tokoh yang banyak berjasa seperti Cikgu Ariff.

Alhamdulillah, saya mendapat idea yang luar biasa tapi yang membuat Cikgu Ariff termenung panjang dan berasa amat aneh. Sebabnya, idea ini terlalu besar dan belum pernah dicuba. Mentelah lagi, ia mungkin memerlukan tekad politik untuk menjayakannya. Padahal, Cikgu Ariff sering mengingatkan saya agar menjauhi politik kecuali jika hendak mengundang tetamu terhormat!

Dr Muhammad Ariff Ahmad bersama-sama penulis ketika memberikan ceramah tentang Kebudayaan Melayu kepada calon guru di Pusat Townsville, Margaret Drive pada pertengahan 1997.

Dr Muhammad Ariff Ahmad berbincang dengan sasterawan Malaysia, Ahmad Kamal Abdullah (Kemala) sambil diperhatikan penulis. Gambar dipetik sempena Majlis Pelancaran Sejarah Lisan, anjuran DBP, Kuala Lumpur pada Jun 2000.

Dr Muhammad Ariff Ahmad sentiasa memberi pandangan beliau yang bernas tentang perkembangan bahasa dan persuratan Melayu.

Dr Muhammad Ariff Ahmad menerima cenderahati daripada Profesor Lee Sing Kong, Pengarah Institut Pendidikan Nasional (NIE) sewaktu perasmian majlis 'Meraikan Citra Murni Insan Arif Budiman' pada 2011.

Dalam sebuah persidangan bahasa dan kesusasteraan. Di barisan depan dari kiri, Encik Yusnor Ef, Dr Abbas Mohd Shariff, Dr Muhammad Ariff Ahmad, Encik Djamal Tukimin dan Profesor Emeritus Tan Sri Ismail Hussein.

Dari kiri, Profesor Vladimir Braginsky, Tuan Suratman Markasan, Profesor Harry Aveling, Profesor Madya Hadijah Rahmat, Profesor Emeritus Tan Sri Ismail Hussein, Dr Dendy Sugono, Profesor Dato Dr Hashim Awang, Cikgu Masran Sabran, Dr Muhammad Ariff Ahmad.

Dr Muhammad Ariff Ahmad dan isteri, Cikgu Sarinah Haji Haniff

Bahagian 10

GELAR DOKTOR KEHORMAT

Ini panggilan yang amat berat.

PADA 2003, Cikgu Masuri Salikun (Masuri S.N.) telah dianugerahi gelar 'Doktor Persuratan' bidang sastera daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Gelaran tersebut sekali gus menempatkan Cikgu Masuri sebagai antara tokoh Melayu pertama yang bukan berlatarkan politik di Singapura yang mendapat penghormatan besar dari negara jiran.

Hal itu juga menimbulkan pertanyaan, mengapakah Cikgu Ariff yang hampir dua tahun lebih tua daripada Cikgu Masuri tidak terlebih dulu mendapat 'gelar' itu daripada UPSI. Sebenarnya, kededua mereka merupakan rakan karib dan sama-sama menjejaki UPSI yang dulunya dipanggil SITC (Sultan Idris Teacher's Training College) pada 1946.

"Saya amat bersyukur dan gembira Masuri dapat anugerah itu. Tak kisahnya sama ada dia atau saya dapat dulu. Pokoknya, ada juga pengiktirafan bagi Singapura," kata Cikgu Ariff yang amat terhutang budi pada sahabatnya yang disapanya sebagai 'Ri'. Cikgu Masuri pula menyapanya 'Rif'.

Cikgu Ariff teringat pada bulan puasa tahun 1946. Ketika itu, beliau dan Cikgu Masuri serta kawan-kawan dari Singapura perlu menjalani ujian kesihatan seperti ujian air kencing, sebelum diterima masuk ke SITC.

"Saya kehabisan air kencing. Cuba tadah dalam botol kecil, pun tak keluar-keluar. Panik juga. Saya tanya Masuri, boleh minta sikit air kencing kau?" cerita Cikgu Ariff, sambil tertawa.

Mereka telah berkawan baik sejak sebelum Perang Dunia Kedua, bahkan saling surat-menyurati dalam tulisan Jepun ketika zaman Pendudukan Tentera Jepun di Singapura.

"Agaknya tanpa air kencing Masuri, saya tak masuk SITC," ulangnya lagi.

SITC memang dianggap seperti 'universiti' bagi lulusan terbaik aliran Melayu dari Singapura, Malaya, Borneo dan Brunei. Kisah SITC menurut kaca mata Cikgu Ariff terpapar dalam memoirnya, *Perjalanan MAS* (2003).

Sejak diberikan anugerah tadi, Cikgu Masuri sering disapa sebagai Doktor Masuri. Dengan sikapnya yang merendah hati, sapaan sedemikian hanya membuat beliau tersipu-sipu.

"Panggil sajalah Cikgu. Saya dah terbiasa," balasnya.

Namun kenikmatannya menyanjung gelar tadi sekadar perintang waktu. Pada hari jadi Cikgu Ariff, 6 Disember 2005, sahabat karibnya menghembuskan nafas terakhir ketika dikejarkan ambulans ke Hospital Besar Changi.

Sebelum kejadian itu, beliau sedang diwawancara oleh pihak Muzium Negara di rumahnya yang turut dihadiri Encik Iskandar Mydin, timbalan pengarah muzium itu. Terdahulu, beliau pernah dua atau tiga kali dimasukkan ke hospital kerana beberapa penyakit. Hal ini amat merisaukan sahabatnya, Cikgu Ariff.

"Masuri tu paling sihat antara kami. Pulak dia amalkan senaman harimau sejak zaman SITC," kenang Cikgu Ariff selepas menangis tersedu-sedu ketika menerima khabar pemergian sahabatnya.

Selang dua tahun, wakil UPSI telah menghubungi Cikgu Ariff. Kini giliran beliau pula menerima gelar 'Doktor Kehormat' daripada alma maternya.

"Macam mana, Man. Boleh bawa saya dengan kereta Man ke UPSI?" tanya beliau dengan penuh harap.

Waktu itu, saya berdepan dengan masalah menjaga ibu kandungan saya yang mula menderita sakit tua, termasuk demensia. Maka saya berterus-terang kepada Cikgu Ariff bahawa

saya tidak sanggup. Namun saya ikhtiarkan agar Asmin yang membawanya ke sana, ditemani anak lelaki bongsunya, Muhammad Shahperi. Alhamdulillah, ia terlaksana. Sejak mendapat gelar 'Doktor Kehormat' dalam bidang persuratan, Cikgu Ariff disapa secara rasmi sebagai 'Pendeta Doktor'.

"Ini panggilan yang amat berat. Orang meletakkan jangkaan amat tinggi pada saya yang bukan lulusan universiti, tapi guru biasa yang berpeluang dengan izin-Nya menatar sampai ke usia senja ini. Alhamdulillah," katanya.

Saya syorkan beliau menghasilkan suatu adikarya sebagai meraikan gelar tadi.

"Tapi saya dah lanjut usia ini, bolehkah?" balas beliau.

Bahagian 11

ADIKARYA *NILAM*

Awak bahagikan 800 naskhah sama rata kepada Majlis Pusat, Asas '50, PGBM dan Pergas. Itulah hadiah dan sedekah saya.

LAMA semenjak menghasilkan sejumlah esei yang terkumpul menjadi buku berjudul *Bicara Adat dan Tradisi* yang disiapkan pada 1991 dan diterbitkan oleh Pustaka Nasional pada 1993, Cikgu Ariff menaruh harapan untuk menghasilkan sebuah karya besar mengenai budaya Melayu. Mentelah sesudah mendapat gelar 'Doktor Kehormat', semangat beliau bak dibakar semula.

Beliau berasa sudah berlaku perubahan budaya dalam kalangan masyarakat Melayu yang hidup dalam sebuah kota kosmopolitan yang pesat berubah.

"Dalam satu generasi atau lebih, kita sudah berubah dari negara Dunia Ketiga ke Pertama. Saya nak tulis sesuatu untuk dijadikan pegangan kita. Boleh tolong saya, Raman? Saya nak siapkan buku tentang adat Melayu. Ini mungkin karya terakhir yang saya sanggupi," katanya.

Kepala saya macam berpusing memikirkan cara membiayai projek ini. Alhamdulillah, saya teringat bahawa Cikgu Ariff merupakan antara penerima awal Pingat Budaya yang menyediakan geran sebanyak $50,000.

"Cikgu, kita gunakan geran itu. Kita keluarkan semuanya kerana usia Cikgu dah lanjut dan projek sebesar ini pasti memerlukan kos yang bukan kecil," kata saya.

Cikgu Ariff akur saja.

Saya menulis surat dengan menggunakan kerjasama Majlis Pusat untuk meminta Majlis Seni Kebangsaan (NAC) meluluskan penggunaan geran itu. Alhamdulillah, semuanya beres. Dalam tempoh enam bulan, Cikgu Ariff tamat menyelesaikan lakar tulisannya. Saya menyuntingnya sekadar dari segi ejaan dan fakta saja. Beliau merupakan penulis yang mengutamakan kesempurnaan.

Sebagaimana proses menerbitkan memoirnya, *Perjalanan MAS*, saya dapatkan keahlian rakan sekerja, Sulhan Rawi, untuk membuat tataletak buku. Saya juga dapatkan Aziz Talib dari Pustaka Malaysia sebagai pencetak. Seluruh kos berjumlah sekitar $20,000. Kos suntingan pula saya ikhlaskan. Maka, ada baki $30,000 yang saya rasa sebagai duit penat Cikgu Ariff.

Ketika menerima baki wang itu, matanya berkaca. "Takkan saya boleh ambil wang ini. Ini duit masyarakat," katanya.

"Ini duit penat Cikgu sebagai pengarang. Cikgu wajar menerimanya. Terpulang nanti jika Cikgu hendak sedekahkan dan sebagainya," ujar saya,

Dalam pada itu, saya dapatkan izin daripada Editor *Berita Harian*, Hj Mohd Guntor Sadali, untuk mendapatkan gambar-gambar daripada perpustakaan *The Straits Times*. Izin ini hanya sekali saja untuk penerbitkan sulung itu.

Akhirnya, lahirlah buku budaya yang berjudul *NILAM* iaitu singkatan 'Nilai Melayu Menurut Islam'. Judulnya sempena Kongres Nilam. Kongres tersebut dianjurkan Majlis Pusat pada 2 dan 3 Oktober 1999 di Institut Kebangsaan bagi Kepimpinan Masyarakat (NACLI), South Buona Vista Road, Singapura. Dalam kongres tersebut, Cikgu Ariff ditampilkan sebagai penyampai ucap utama dan disertai dua tokoh serantau iaitu budayawan besar Riau, Dr Tenas Effendy dan Encik Zainal Abidin Borhan, ketua Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya di Malaysia.

Sekitar 1,000 naskhah telah dicetak; 100 naskhah berkulit tebal dan yang bakinya naskhah kulit biasa. Rasa syukur Cikgu Ariff tidak dapat dibayangkan.

"Raman, awak bahagikan 800 naskhah sama rata kepada Majlis Pusat, Asas '50, PGBM dan Pergas. Itulah hadiah dan sedekah saya," tegas Cikgu Ariff.

Saya angguk saja kerana tugas menghantar buku yang tebal tadi sekali lagi terpikul di bahu saya. Mujurlah ada kereta MPV Hyundai, Trajet, yang berjasa.

Kesatuan Guru Bahasa Melayu telah menganjurkan seminar tentang buku *NILAM* pada 29 Jun 2013 di Auditorium Kelab Masyarakat Marine Parade. Dua orang tokoh telah ditampilkan untuk membicarakan buku tersebut. Mereka ialah Prof Emeritus Dr Hashim Musa dari Universiti Putra Malaysia dan Dr Abbas Mohd Shariff, mantan pensyarah kanan Insititut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang.

Dalam ceramahnya, Prof Hashim mengangkat *NILAM* sebagai adikarya Melayu pertama dalam abad 21. "Ini merupakan karya besar yang dihasilkan daripada pencernaan seorang yang pakar lagi halus bicaranya untuk mengungkapkan erti dan ruang lingkup kebudayaan Melayu dalam zaman pasca moden," katanya kepada saya yang ketika itu membuat liputan untuk akhbar *Berita Harian*.

Prof Hashim terkenal dalam pelbagai kajiannya mengenai tamadun Melayu, termasuk ketokohan Laksamana Hang Tuah yang dibuktikannya sebagai bukanlah sosok mitos tetapi insan sejarah yang pernah mencapai kegemilangan dalam abad ke-15 Masihi.

Bahagian 12

DANA MAS

Baik saya, Cikgu Ariff mahupun Hj Abu Bakar, kami semua sudah lanjut usia. Jadi, lebih elok dipercepat usaha pemberian geran dan biasiswa agar diketahui ramai orang.

APABILA Anugerah MAS dihentikan, terdapat sekitar $32,000 yang masih tersimpan dalam akaun Majlis Pusat. Apa hendak dilakukan dengan wang sebanyak itu? Itulah persoalan berat buat saya pada 2009. Hal ini disebabkan Cikgu Ariff enggan menerima wang itu kerana dianggapnya wang masyarakat atas pemerolehan buku dan tulisannya yang tersimpan di Lembaga Perpustakaan Negara.

Akhirnya saya mendapat ilham agar diwujudkan Kursi Profesor sempena Cikgu Ariff. Wang tadi dijadikan modal atau wang benih untuk dana yang menampung kursi itu. Ada sejumlah pertimbangan mengapa gagasan ini dapat disandarkan. Izinkan saya berikan tiga saja.

Pertama-tama, Cikgu Ariff merupakan seorang guru dan ilmuwan dalam bidang bahasa, persuratan dan kebudayaan Melayu yang tiada taranya di Singapura. Beliau pernah lama mengajar di Maktab Perguruan Singapura (Teachers' Training College atau TTC yang dahulunya terletak di Paterson Road), antara 1959 sehingga bersara pada 1980. Selepas bersara, beliau pernah diundang sebagai Profesor Pelawat ke Universiti Malaya tetapi tidak menyanggupinya kerana jadual kerja yang terlalu panjang.

Kedua, Cikgu Ariff merupakan antara tokoh Melayu yang paling banyak mendapat penghormatan dari dalam dan luar Singapura, termasuklah Bintang Bakti Masyarakat daripada Presiden S.R. Nathan, Pingat Budaya dan Anugerah Tun Seri Lanang yang pertama pada 1993. Dari sekolah lamanya yang kini dikenali sebagai Universiti Pendidikan Sultan Idris, beliau diberi penghormatan Doktor Kehormat persuratan.

Ketiga, keilmuan Cikgu Ariff dari segi penghasilan kertas kerja sehingga menjadi nara sumber telah lama diiktiraf.

Yakin dengan sandaran tadi, saya menulis e-mel kepada sahabat lama, Prof Madya Dr Hadijah Rahmat yang menjadi ketua Unit Bahasa dan Budaya Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang. Beliau menyambut baik kerana mengagumi Cikgu Ariff yang dianggapnya sebagai ensiklopedia bergerak persuratan dan budaya Melayu.

Selang dua minggu, Dr Hadijah mengutarakan kertas sarannya kepada Senat NTU. Kertas saran tersebut disambut baik.

Selanjutnya, berlangsung pertemuan selama sejam antara pihak NTU dengan Majlis Pusat. Saya dan Abdul Samad Salimin mewakili pihak Cikgu Ariff. Kesepakatan ditinta bahawa sebuah endowmen atas nama Cikgu Ariff ditubuhkan. Nama rasminya Endowmen Pengajian Melayu Dr Muhammad Ariff Ahmad. Ia lebih luas peranannya daripada Kursi Profesor yang saya tanggapi pada awalnya.

Selain dapat mengundang profesor kehormat yang lazimnya dilaksanakan di bawah Kursi Profesor, endowmen ini boleh mengeluarkan geran kajian sehingga biasiswa, membiayai pelbagai kegiatan ilmiah dalam rangka kerja yang dilalui oleh Cikgu Ariff sebagai seorang guru, ilmuwan dan aktivis masyarakat termasuk dalam bidang agama.

Selama bersama Majlis Pusat, tampaknya tiada usaha pengumpulan dana yang serius. Saya beritahu Cikgu Ariff untuk mengalihkan dana tadi kepada Jamiyah Singapura pimpinan Hj Abu Bakar Maidin (1927- 2013). Hj Abu Bakar berkerusi roda dan dalam keadaan uzur ketika menyambut saya. Selepas menjelaskan duduk perkara dan mendengar rayuan saya, beliau termenung sebentar.

"Saya dalam keadaan sakit sekarang. Tapi demi Cikgu Ariff yang telah banyak berjasa untuk bahasa dan persuratan, kebudayaan Melayu, saya gagahi juga. Insya-Allah, Jamiyah akan tolong untuk dapatkan seberapa banyak wang untuk Dana MAS."

Namun, beliau meminta Editor *Berita Harian*, Mohd Guntor Sadali juga menyertai Jawatankuasa Dana MAS. Hal ini saya beritahukan kepada bos saya. Alhamdulillah, beliau bersetuju.

Hj Abu Bakar ketika itu bertindak sebagai penasihat Jamiyah dan adiknya, Abdul Karim pula menyandang jawatan presiden Jamiyah. Selepas beberapa pertemuan, jentera Jamiyah digerakkan. Tugas surat-menyurat mula dilakukan dan dihantar kepada guru-guru bahasa Melayu di semua sekolah, kepada para pemimpin dan dermawan Melayu. Risalah dan video juga disiapkan sebagai sarana mengumpul derma. Namun, jumlah yang terkumpul tidak sampai $10,000.

"Kita kena merayu kepada para penderma besar," kata Hj Abu Bakar yang kemudian menghubungi Yayasan Lee dan badan agama seperti Buddhist Lodge. Beliau dan pasukannya di Jamiyah berjaya mengumpulkan lebih setengah juta dolar.

Dalam pada itu, beliau berasa amat perlu usaha ini dinaungi oleh seorang tokoh nasional. Setelah melamar beberapa tokoh, akhirnya mantan Presiden Keenam Singapura, Encik S.R. Nathan bersetuju dan telah mengundang semua anggota Jawatankuasa Dana MAS ke pejabatnya di Universiti Pengurusan Singapura (SMU). Restu dan sokongan Encik Nathan amat penting lagi simbolik. Beliau telah meminta pihak NTU agar menyegerakan pemberian geran kajian dan biasiswa atas nama Dana MAS.

"Cikgu Ariff lebih muda sedikit daripada saya. Tapi baik saya, Cikgu Ariff mahupun Hj Abu Bakar, kami semua sudah

lanjut usia. Jadi, lebih elok dipercepat usaha pemberian geran dan biasiswa agar diketahui ramai orang," kata beliau.

Maka pada Sabtu 9 April 2016, jam 1130-1330, di POD, aras 16 bangunan NLB, dilancarkan majlis pemberian khas itu dan pelancaran karya terakhir Cikgu Ariff, *Pantun M.A.S.* Sayangnya, dua tokoh utama tidak bersama kami iaitu Hj Abu Bakar Maidin (kembali ke rahmatullah pada 2013) dan Cikgu Ariff (pada 23 Mac 2016).

Menurut kad undangannya, majlis itu diserikan Setiausaha Parlimen Pendidikan Prof Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim selaku tetamu terhormat. Tanpa kami sedari, Encik Nathan telah menggagahi diri untuk hadir dan meminta agar diizinkan untuk menyampaikan geran dan biasiswa. Dr Faishal berlapang dada merestuinya.

Rupa-rupanya ini kali terakhir kami bersama Encik Nathan kerana beliau berpulang pada 22 Ogos 2016 iaitu sekitar empat bulan sesudah majlis bersejarah tadi. Kami bersyukur mempunyai mantan ketua negara yang amat bertenggang rasa.

Tidak lama selepas wafatnya Hj Abu Bakar, Jamiyah telah meminta Dana MAS dipindahkan kepada mana-mana badan yang telah menyokong pembentukannya. Kami mendapatkan Hj Wan Hussin Zoohri sebagai tokoh yang layak mempengerusikan JK Dana MAS. Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud pula bertindak sebagai urusetianya. Dalam pada itu, Pejabat Pembangunan NTU telah mendapatkan Cik Maznah Masop (pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Pemudi Islam Singapura) selaku pegawai khas yang bertugas, antara lain, membantu Dana MAS.

Pungutan wang untuk Dana MAS telah dapat dilakukan menerusi pungutan derma khas di masjid pada hari Jumaat dalam tahun 2017 dan 2018. Ia terhasil daripada e-mel rayuan Hj Wan

Hussin kepada Ketua Eksekutif Majlis Ugama Islam Singapura, Hj Abdul Razak Marican. Alhamdulillah.

Campur dengan pungutan daripada surat rayuan, Dana MAS terus bertambah walaupun tidak sehebat dalam tempoh ia dipengerusikan Almarhum Hj Abu Bakar.

Bahagian 13

PANTUN TERAKHIR

Ulasan Buku Mohd Raman Daud yang disampaikan pada 9 April 2016, di POD, Bangunan NLB.

TIGA tahun lalu, Pendeta Dr Muhd Ariff Ahmad mendapati kaki dan tangannya kejang sehingga sukar untuknya bergerak. Sejak itu, keluarganya mendapatkan seorang pembantu rumah untuk menguruskan ehwalnya kerana isterinya juga telah uzur. Hanya mereka berdua tinggal di rumah milik mereka sejak 1954, iaitu 16 Nemesu Avenue.

Walaupun sering mendengar radio atau menonton televisyen, azamnya kuat untuk terus menulis demi berkongsi ilmu dan pengalamannya. Menantunya, Danial, telah mendapatkan beliau sebuah komputer riba. Sayangnya, beliau mendapati sukar untuk menggunakannya.

Mujurlah beliau mempunyai sebuah telefon bijak, iPhone 4, yang dapat digunakannya untuk mengetik walaupun agak sukar juga kerana saiznya yang kecil dan layarnya atau skrin yang peka. Dari hari ke hari, maka terhasillah 74 rangkap pantun – daripada pantun talibun, pantun biasa, pantun berangkai, pantun jual beli sehingga pantun berkait.

Beliau pernah membayangkan kepada saya bahawa ada juga gurindam yang diketik dalam telefon bijaknya. Semoga anak-anak almarhum dapat memeriksanya.

(Seyogia, Cikgu Ariff sering mendahului rerakannya dari segi penggunaan teknologi. Beliau lebih selesa menggunakan komputer dan pintar menggunakan pelbagai gaya font. Sebaliknya, kawan karibnya, Dr Masuri Salikun masih enggan berganjak daripada mesin taipnya sehinggalah pada sajaknya yang terakhir.)

Lima bulan sebelum kewafatannya, Cikgu Ariff menelefon Juffri Supaat daripada NLB yang kemudian menghubungi Abdullah Othman daripada Syarikat Andalus, Abdul Samad Salimin (@Asmin), Cikgu Abdul Haris Sumardi dan Cikgu Wan Imran Woojdy, serta saya ke rumahnya. Beliau gesa kami agar karya terakhirnya – 74 rangkap pantun diterbitkan selagi beliau masih ada. Sayangnya, pada 23 Mac lalu, beliau kembali ke rahmatillah. Maka lahirlah buku *Pantun M.A.S* cetakan Syarikat Andalus. Kos penerbitannya ditanggung oleh Dana MAS.

Ia memang tipis, 17 halaman pantun campur 13 halaman kata pengantar. Pun ia amat berharga kerana memancarkan hasrat Pendeta yang sejak kecil ingin menjadi pengarang terkenal (rujuk memoirnya, *Perjalanan MAS*, 2003).

Baginya, berkarya atau menghasilkan usaha kreatif itu penting bak diungkapkan dalam sajaknya:

Jalan, jalan dan jalan
Jangan berhenti separuh jalan
Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan
Berjalan sehingga tidak boleh jalan....

Pada usia sembilan atau sepuluh tahun dan ketika bermain rondes di laman rumah guru ngajinya di Malcolm Road, beliau ditangkap seorang guru. Sangka guru itu, si anak itu 'ponteng' sekolah, lantas diboncengkan dengan basikalnya ke Sekolah Melayu Tanglin Besar yang jarak perjalanannya sekitar 5 km. Sebelum itu, ayah beliau, Ahmad Karso, hanya menghantarkannya belajar mengaji saja kerana tidak mampu menyekolahkannya. Begitulah sekelumit sejarah pendeta kita.

Buku terbaharu ini wajar dibaca dengan merujuk buku almarhum, *Mari Kita Berpantun* (terbitan Majlis Bahasa Melayu Singapura, 2012). Apakah keistimewaan karya mutakhir Pendeta kita?

Pertama, Pendeta membentangkan erti berdikari bagi sebuah nusa. Ini dipaparkan pada talibun (rangkap 1 hingga 6) tentang perpisahan Singapura daripada Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965. Ia berlaku tidak lama selepas kelahiran putera bongsunya, Muhammad Shahperi, yang antara lain diungkap seperti berikut:

5. Kesan berpisah nasib berubah,
Dengan akal bijak laksana,
Menjadikan kita arif budiman;
Sekali air bah, sekali pantai berubah,
Bersatu hati tekad dilaksana,
Hidup harmoni di dalam aman.

Kedua, dari rangkap 7 hingga 48 yang merupakan pantun empat kerat atau biasa, Pendeta mengungkapkan, antara lain, erti etika dan sikap atau perangai insan yang dihadapinya:

31. Anak ikan dimakan ikan,
Ikan bernama badau berduri;
Darah dagingnya dianiayakan,
Untuk hidup senang sendiri.

32. Ketam bangkang ketam batu,
Anak renjong mati tertikam;
Resam manusia memang begitu,

Jauhari saja yang mengenal manikam.

Ketiga, lewat pantun beruntai (rangkap 49-54), Pendeta telah mengupas erti budi dalam wacana keikhlasan hati manusia, yang antara lain:

52. Pagi-pagi mengisi ketupat,
Beras pengisi jangan dikurang;
Hendak berbudi biar bertempat,
Jangan dirosak program orang.

53. Menganyam ketupat tanpa daun,
Jadi pengganti plastik dipakai,
Patutkah dosa dikumpul setahun,
Datang Raya baru diungkai?

Keempat, dalam pantun dialog (rangkap 55 hingga 66), Pendeta mengemukakan semacam jual beli pantun yang cukup berjenaka pintar (*witty*). Ini merupakan antara ciri unggul Pendeta sejak muda.

55. Limau purut dibawa ke pekan,
Sayang melati gugur bunganya;
Sakit perut tersalah makan,
Sakit hati apa sebabnya?

56. Hidup ini sakit adanya,
Sindrom PHD jadi gejala;
Sakit hati nak tahu sebabnya?
Nafsu nak ada punca segala.

Kelima, menerusi pantun berkait (rangkap 67-74), Pendeta menyampaikan pesan terakhirnya untuk kemanusiaan:

72. Dibawa datang dari sebarang,
Surat berisi nasihat dan pesan;
Bukanlah sukar nak jadi orang,
Taqwa ke Tuhan berbudi ke insan.

73. Surat berisi nasihat dan pesan,
Semoga sejahtera hidup di dunia;
Taqwa ke Tuhan berbudi ke insan,
Insya-Allah di akhirat dapat bahagia.

Sebagai insan beragama, almarhum memiliki daya ingat yang kuat. Ini dikaitkan dengan amalan tekalnya, membaca Quran, setiap selepas subuh, senantiasa berdada lapang dan berbaik sangka. Semoga buku *Pantun M.A.S* menjadi antara bingkisan kita sepanjang masa.

Sekian dan terima kasih.

Pesan Pendeta

(Sajak karya Mohd Raman Daud yang dipinta oleh penganjur AGAB untuk dibacakan pada majlis Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) pada 15 November 2016 yang diserikan oleh PM Lee Hsien Loong.)

PADA suatu waktu petang
Ketika bumbung dapur rumahmu dipalu rintik hujan
Kau teringat akan ucapan almarhum gurumu

Tahun 1949 di Maktab Perguruan Sultan Idris
Kepada para guru pelatih yang baru lulus
Cikgu Abdullah Abdul Rahman berseru
Beluru – buah beluru,
Kedangsa – buah kedangsa;
Bukan mudah jadi guru:
Matahari kampung penyuluh bangsa!

Beza sekali antara guru dan cikgu, hujahmu
Cikgu sekadar gelar kepada guru yang cari makan mengajar, ulasmu
Guru pula ialah kerjaya berbudi bersalut pekerti luhur seumur hidup tanpa bersara -
Begitulah dambaan, ceramah dan doamu
Maka itu, kau menabur tiga suku usiamu pada setiap gerakan bahasa, budaya dan agama
serta kerukunan negara

Berdering telefon rumahmu
dan bersambung telefon bimbitmu
Dering-deringan yang tidak mengenal waktu
Kau santun meladeni apa jua pertanyaan

Ada yang berkunjung ke rumahmu
demi menimba ilmu
untuk lulus periksa atau menyandang gelar
sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah
walaupun berkali kau nyatakan dirimu sekadar guru sahaja

Ada yang meminjam buku, gambar dan makalahmu
Sebahagiannya dipulangkan
Tapi sebahagian lagi 'hilang' tanpa bekas dan bicara
Dan ada yang menggunakan mesin fotostatmu percuma
Tak mengapalah, katamu, dihalalkan saja

Ketika usia meragut kekuatanmu
Perjalananmu kini di penghujungan
Kau masih menggagahi diri walaupun diiringi ambulans
ke sana ke mari
meski sekadar meraikan acara bahasa dan budaya
dan bertemu dengan anak-anak muda
untuk berkongsi impian dan perutusan

"Saya bukan kaya harta", pesanmu, "Yang saya dambakan ilmu yang diwariskan ini dikaji dan semoga menjadi bekal saya di depan pengadilan Ilahi."
Tapi kau tinggalkan juga sedikit habuan bak benih
Maka terbentuklah sebuah dana universiti atas namamu

Masyarakat pun disurati untuk menderma
Dana itu bukan untuk dirimu tetapi untuk guru dan
ilmuwan serta generasi hari muka

Segelintir saja yang tampil menghulur dengan rela
Kau hairan seraya bertanya: beginikah orang tua ini sudah dilupa?
Sedang matamu berkaca melihat dinding rumahmu
tertayang pelbagai anugerah yang kau terima dari jasawan, doktor falsafah hingga pendeta

Ketika rintik hujan gugur di bumbung dapurmu
Pesananmu masih terngiang-ngiang
walau jasad kerdilmu sudah mendakap bumi
Bahawa ada guru antara pemimpin agung dunia
Muhammadlah yang teragung, katamu
dan tentulah sebagai seorang guru
kau redha menjadi umatnya.

MOHD RAMAN DAUD
13 Zulhijah 1437/15 Sep 2016

Bahagian 14

TAMSIL PENDETA

Takrif Melayu

"Erti 'rumpun' Melayu tidak sekadar maksud suku kaum atau bangsa. Tapi ia meliputi maksud yang serba luas iaitu sesiapa saja yang merasakan dirinya Melayu kerana bertutur dan berbudaya Melayu serta beragama Islam. Jelas sekali kita terikat dengan Islam kerana agama inilah yang menonjolkan makna dan memberikan sosok peribadi Melayu sejak kemasukannya ke rantau ini seawal pertengahan abad ketujuh Masihi. Dan hakikat bahawa orang Melayu masih kekal pada pegangan Islam di sebalik penjajahan Barat dan sebagainya, maka ia menunjukkan keterikatan kita dengan Islam."

Keunggulan kita

"Unggulnya orang kita pernah termaktub dalam lagu Kesatuan Melayu Singapura iaitu berani, benar dan setia. Kita berani kerana benar, dan benar dalam mencari ilmu dan melakukan amalan serta setia dalam bersahabat, berurusan sehingga menjaga kepentingan masyarakat dan negara."

Erti Berbilang Kaum

"Orang Melayu tak pernah benci terhadap kaum yang datang untuk berbaik-baik seperti tinggal bersama, berdagang dan sebagainya. Orang Melayu menerima hakikat bahawa bumi ini diciptakan Allah untuk segala ciptaannya, termasuk orang bukan Melayu sehingga haiwan. Malah resmi orang Melayu ialah kesanggupannya menerima orang lain sehingga diperikan 'Laki pulang kelaparan, dagang lalu ditanakkan' Itulah sebabnya, konsep berbilang kaum sangat diterima orang Melayu selagi ada suasana hormat-menghormati, tolong-menolong, saling setia dan berkongsi dalam waktu susah dan senang."

Lakukan dengan Piawai

"Apa jua yang kita lakukan mesti ada mutu atau piawai tinggi. Ini tanda pukta atau cemerlang. Tengok saja minuman segera seperti Milo yang kita nak nikmati ini Mutunya antarabangsa. Itu sebab isi, khasiat dan rasanya dapat diterima manusia seantero dunia. Orang Melayu pun mesti begitu. Apa jua yang mampu kita lakukan hendaklah yang terbaik dan menjagat. Jadi, hasil usaha kita akan dihargai oleh seluruh kemanusiaan."

Jangan Dengki

"Membaca *Sejarah Melayu*, dan hikayat lama, malah apa jua buku tentang bangun jatuh negeri atau kerajaan, sering antara faktor utamanya ialah dengki. Hinggakan pada gelar Ph.D, kita siniskan sebagai 'perbuatan hasad dan dengki'. Padahal, ia gelar doktor falsafah iaitu taraf tertinggi seorang yang berilmu. Nak kurangkan golongan Ph.D negatif dalam masyarakat kita, ia bermula dengan diri sendiri iaitu jangan iri hati akan kejayaan sesama kita, sebaliknya doakan dan bantulah agar terus berjaya. Malah kita pula harus terangsang untuk berjaya juga. Dan yang berjaya pula, jangan lokek berkongsi ilmu dan jika dapat kongsikan penghasilan kita melalui derma, zakat dan sebagainya. Jika kita pakai rumus begini, insya-Allah rumpun Melayu boleh berjaya."

Usah Ketepikan Gotong-Royong

"Rumpun Melayu bangga dengan amalan gotong-royong. Ini memang istilah Jawa tapi ada dalam setiap suku kaum Melayu, iaitu nilai murni hasil bermuafakat dan bekerjasama demi kemaslahatan bersama. Orang Melayu di Singapura memang tak punyai syarikat besar atau hartawan hebat. Tapi jika kita sanggup sama-sama menabung dan merancang dengan teliti beserta hati

ikhlas dan azam kental, maka akan lahir institusi atau badan yang besar dan teguh. Tengok kita boleh bangunkan banyak masjid baru hasil gotong-royong. Rumus ini perlu kita pelihara hingga akhir zaman."

Isteri Hang Jebat

Pada 1955, Shaw Brothers bercita-cita besar menghasilkan filem Melayu dalam warna-warni atau 'technicolour'. Ia telah memilih epik 'Hang Tuah' sebagai filem sulungnya yang berwarna-warni. Filem ini menampilkan aktor yang sedang mekar, P Ramlee yang bukan saja berlakon tetapi menari dan menjadi penyanyi utamanya. Dengan menggunakan teks daripada *Hikayat Hang Tuah*, skripnya mula diolah. Namun timbul masalah tentang nama-nama watak, antara lain, nama isteri Hang Jebat. Hal ini cuba diputuskan oleh dua pakar budaya dan bahasa Melayu, Mahmud Ahmad (1906-1976) dan Buyong Adil (1907-1976). Puas mereka menyelongkar tetapi hampa menemukan namanya. Sedang dua tokoh ini berbincang dalam pejabat Pustaka Melayu di North Bridge Road, masuk Cikgu Ariff memberi salam yang disambut mereka.

"Rif, awak tau tak nama isteri Hang Jebat?" tanya Cikgu Mahmud.

"Saya belum jumpa namanya dalam mana-mana versi *Hikayat Hang Tuah*," jawab Cikgu Ariff.

"Itulah yang menjadi masalah kami dalam menyemak skrip Hang Tuah untuk dijadikan filem oleh Shaw Brothers," ujar Cikgu Mahmud.

"Tapi bagi saya, namakannya Dang Anum," jawab Cikgu Ariff.

"Pulak, mengapa Dang Anum?" tanya Cikgu Buyong.

"Dang adalah gelaran seperti Dang Merduwati, isteri Hang Tuah. 'Anum' pula maksudnya 'muda' dari bahasa Jawa," ulas Cikgu Ariff.

Kededua tokoh berpandangan. Ternyata apabila filem 'Hang Tuah' ditayangkan pada 1956, nama Dang Anum digunakan. Selang beberapa tahun kemudian, Cikgu Ariff dan isterinya diundang oleh sahabatnya dari SITC yang ketika itu Gabenor Melaka, Abdul Ghafar Baba, untuk menziarahi Melaka. Encik Ghafar (1925-2006) telah membawanya keliling Melaka, termasuk menunjukkannya sebuah sekolah rendah perempuan sempena nama Dang Anum. Cikgu Ariff tercengang.

"Selain Dang Anum, ada nama lain seperti Dang Wangi dan sebagainya sebagai nama isteri Hang Jebat. Wallahualam," jelas Cikgu Ariff.

Apabila Menolong, Cuba Seberapa Lengkap

Rumah Cikgu Ariff, di Nemesu Avenue, sering dikunjungi ramai orang, termasuk penulis besar, guru, pelajar dan sanak-saudaranya. Dalam awal 1960-an, Sasterawan Negara Malaysia, Shahnon Ahmad (1933-2017) pernah menginap di rumahnya pada 1968 ketika transit untuk ke Australia.

"Saya sangat berjimat cermat kerana ini suruhan Islam. Tapi pada masa yang sama, saya perlu pemurah kepada tetamu. Jadi, kita kena cara perseimbangan," katanya.

Antara lain, rumahnya juga menjadi pejabat dan alamat surat-menyuarat Asas '50.

"Oleh itu, saya lengkapkan rumah saya seberapa boleh sebagai pejabat. Antara lain, saya beli mesin fotostat untuk kegunaan keluarga, ahli Asas '50 dan ada kalanya pelajar atau penyelidik yang berkunjung," katanya.

Malah syarikat rakaman (production house) juga membuat rakaman di rumahnya. Ini bererti masa yang panjang digunakan, termasuk penggunaan bekalan elektrik. Saya dan Asmin berpendapat Cikgu Ariff perlu membezakan antara permintaan yang bersifat ihsan dengan komersial. Sejak itu, berlakulah sedikit perubahan prinsip. Untuk sarjana atau pelajar, biasanya Cikgu Ariff memberikan bantuan ihsan, termasuk meminjamkan makalah, buku atau gambar untuk difotokopi. Tapi bagi syarikat rakaman, bayaran dikenakan iaitu $200 untuk satu sesi rakaman selama dua jam.

Kahwin Campur

Antara keprihatinan Cikgu Ariff ialah kesan pelarutan jati diri Melayu akibat perkahwinan campur, berpindah ke negara bukan Melayu dan sikap tidak kisah perihal jati diri. Dalam hal ini, beliau menimba pengalaman keluarga besarnya sendiri.

"Tugas kita ialah memberikan nasihat dan menanamkan benih kesedaran serta semangat untuk mengakui sebagai Melayu. Malah kebudayaan dan tamadun Melayu merupakan antara yang terpenting di dunia," katanya.

Beliau mengesyorkan strategi serampang tiga mata iaitu pengukuhan keluarga Melayu, peningkatan mutu pengajaran bahasa Melayu, terutama lewat sastera, dan penampilan para tokoh Melayu teladan yang fasih berbahasa dan memperjuang kebudayaan rumpun.

"Masalah utama ialah keluarga Melayu semakin rapuh kerana bersifat inti saja. Dahulu, kebanyakan orang Melayu hidup dalam keluarga berangkai atau keluarga besar yang duduk sebumbung dengan datuk nenek, pakcik makcik dan sebagainya. Jadi, ada masa bersembang dan menyalurkan nilai menggunakan bahasa Melayu.

"Sekarang masa berbahasa Melayu mungkin hanya di kelas saja. Sesama kawanpun, anak Melayu bertutur Inggeris. Ibu bapa yang berpendidikan Inggeris pula lebih cenderung berbahasa Inggeris di rumah. Malah sesama Melayu bila berjumpa dan berbincang seperti di masjid, bahasa pengantarnya pun Inggeris.

"Kecenderungan ini perlu dikawal. Jadi, suasana rumah Melayu mestilah dipertingkat dari segi penggunaan bahasa dan penyaluran nilai Melayu. Tugas ini terserahkan kepada ibu bapa Melayu sendiri. Tiada pilihan lain," katanya.

Sejak jumlah badan Melayu berkurangan kerana terkubur dengan sendirinya akibat, antara lain, kelemahan pimpinan dan kurang sokongan, Cikgu Ariff melihat potensi jawatankuasa kegiatan Melayu di balai rakyat.

"Jawatankuasa ini perlu dipupuk agar dapat menjalinkan hubungan baik dengan orang Melayu," katanya.

Beliau percaya bahawa pengajaran bahasa Melayu akan lebih berjaya jika diajarkan bersama mata pelajaran sastera di sekolah.

"Sastera Bina Manusia. Ini bukan saja cogan kata Asas '50, tapi sejagat," tambahnya.

Akhir sekali, katanya, masyarakat perlukan pimpinan atau para tokoh teladan. Jika para tokohnya bijak, cekap dan lurus sehingga wajar dicontohi, maka masyarakat akan berjaya. Tapi para anggota masyarakat pun perlu bijak dan lurus demi melahirkan para tokohnya. Tokoh dan masyarakat, katanya, ibarat aur dengan tebing.

Daya Akal dan Hati

Sejak kecil, Cikgu Ariff dididik mengaji Quran dan berpekerti luhur.

"Saya kenal huruf Quran dulu, sebelum tahu membaca ejaan jawi dan rumi. Kerana pentingnya menghafal sebahagian ayat Quran, terutama surah pendek dalam Juz 'Amma, maka otak saya diprogramkan macam menangkap gambar. Maka itu, saya mudah merakamkan fakta dalam otak saya atau mengingat. Ini daya akal. Selain guru ngaji, kakek dan orang tua saya mendidik saya agar sentiasa berpekerti mulia, suka menolong dan jangan membesarkan diri. Ini pula daya hati. Demikianlah yang menjadi pegangan hidup saya," katanya.

Memandangkan ingatannya yang agak jitu, ramai orang bertanyakan peristiwa bersejarah daripadanya.

"Baru tadi pesara guru, Mohd Yusof Lana yang dua tahun senior saya, menelefon. Beliau ingin dapat kepastian hal-hal tertentu," katanya dalam sembang kami pada 2001.

Amalan membaca Quran diteruskan sehingga pada detik akhir hidupnya.

"Saya berdoa kepada Allah SWT, andai saya sudah mulai lupa atau nyanyuk, maka saya redha...," katanya sebak. Sesungguhnya, setelah Cikgu Ariff didapati mulai lupa dan sukar difahami percakapannya dalam sehari dua, keluarganya segera membawanya untuk dirawat di Hospital Khoo Teck Phuat. Di sanalah beliau menghembuskan nafas terakhir pada 23 Mac 2016.

Bersama MUIS dan asatizah

Penyertaan Cikgu Ariff dalam ehwal dan kegiatan Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) bermula sejak ia mula

ditubuhkan pada 1969. Beliau antara tokoh masyarakat Melayu-Islam yang amat menyokong penubuhan MUIS.

"Namun penyertaan saya lebih ketara dalam akhir 1970-an sehinggalah usia saya 80 tahun. Antara lain, saya turut bertanggungjawab dalam menghasilkan warta Muis yang dipanggil Warita. Saya juga aktif dalam Lembaga Rayuan yang mendengar kes-kes yang diketengahkan Mahkamah Syariah. Saya dianggap pihak Lembaga sebagai pakar budaya yang diminta sama-sama menyelesaikan masalah perceraian atau krisis rumah tangga dari sudut budaya," katanya.

"Suatu ketika saya pernah ditawarkan jawatan Presiden Muis. Saya serba salah kerana saya fikirkan apakah saya ada kebebasan untuk menulis esei dan sastera dengan agak bebas dan juga hal-hal lain. Akhirnya saya menolak. Namun saya kekalkan hubungan baik dengan Muis dan asatizah. Mentelah saya kemudian diminta menjadi pengerusi pembangunan Masjid Al-Muttaqin dan lembaga pentadbirnya serta terlibat sebagai pengerusi penyelarasan kegiatan masjid-masjid yang saya namakan, LARAS," ceritanya.

Antara asatizah yang akrab dengan beliau ialah Ustaz Embek Ali (1929-2008) yang menyapa Cikgu Ariff sebagai 'abang'. Beliau juga mesra dengan Ustaz Osman Jantan (1937-2011) dan Ustaz Syed Abdillah Al-Jufri (1938-2003) yang kebetulan merupakan murid-muridnya sewaktu belajar di Maktab Perguruan Singapura dan mereka juga adalah para anggota Asas '50.

Cikgu Ariff pernah bersama Ustaz Syed Abdillah menyiapkan buku teks Pengetahuan Agama Islam untuk digunakan di sekolah. Malah Cikgu Ariff menilai bekas muridnya

itu sebagai rakan yang ikhlas dan bijak memberikan nasihat kepadanya.

Hubungan eratnya juga terjalin dengan Ustaz Ahmad Sonhadji bin Mohamad Milatu (1922-2010). Saya masih ingat ketika mengiring Cikgu Ariff dan isteri menziarahi Ustaz Ahmad Sonhadji yang sedang sakit di rumah anaknya di Toa Payoh. Mereka bersembang tentang pelbagai perkara antara lain berkenaan budaya, agama Islam, masalah masyarakat dan penjagaan orang tua.

Cikgu Ariff menyapa Ustaz Ahmad Sonhadji dengan gelar 'abang' dan beliau menyapanya, 'adik'.

"Beginilah bang bila dah tua. Jika nak jalan jauh, mujurlah ada yang muda sanggup hantarkan," kata Cikgu Ariff.

Balas Ustaz Ahmad Sonhadji, "Tak ada yang muda jika tak ada yang tua. Yang tua itu mesti dapat mengekalkan empat perkara dan elakkan satu perkara. Yang pertama, *tuwo nutur* – tua yang beri nasihat. Kedua, *tuwo ngatur* – orang tua yang merancang dan melaksana usaha. Ketiga, *tuwo nyembur* iaitu orang tua yang tahu perubatan seperti mengurut atau jampi serapah dengan ayat suci. Keempat, *tuwo nabur* iaitu orang tua yang suka menderma. Tapi, *ojo jadi tuwo ngawur* iaitu orang tua yang nyanyuk atau pikun."

Mereka berdua akur bahawa seburuk-buruk sakit tua ialah nyanyuk.

"Alhamdulillah, saya masih dapat mengaji, berfikir dan mengajar," kata Ustaz Ahmad Sonhaji. "Macam mana Rif?"

"Saya pun bang. Walau kaki dah lemah sehingga pakai kerusi roda, saya masih diperlukan untuk menulis dan menasihat. Itulah saya berdoa agar daya ingatan saya kuat sehingga nafas terakhir."

Tanpa disedari, mereka berdua semacam mengangkat tangan, berdoa. Hening seketika dan suasana terasa sebak.

"Bang, entah jumpa selepas ini?"

"Tak apa Rif, nanti abang tunggu kau di sana," kata Ustaz Ahmad Sonhaji melepaskan pelukannya daripada Cikgu Ariff.

Saya masih teringat ketika menelefon Cikgu Ariff untuk memberitahu berpulangnya Ustaz Ahmad Sonhaji pada 2010. Saya menjemput Cikgu Ariff di rumahnya untuk menyertai solat jenazah almarhum di Masjid Al-Muhajirin yang antara tempat yang menerima banyak baktinya.

Terdahulu pada 2003, saya pernah menjemput Cikgu Ariff ke Masjid Sultan untuk solat jenazah Ustaz Syed Abdillah Aljufri. Ketika itu melaut orang ramai berpusu-pusu hendak bersolat zohor dan jenazah. Tiba di Kandahar Street, kereta Hyundai Matrix saya tidak dapat bergerak. Mujurlah ada seorang pekerja Masjid Sultan yang mengenali saya dan ternampak Cikgu Ariff. Beliau menggamit sambil melepaskan tali penghadang kereta untuk parkir.

Sambil memimpin Cikgu Ariff yang bertongkat, saya cuba meredah jalan ke masjid.

"Saya belum sarapan lagi Raman," kata Cikgu Ariff.

Saya memandang ke kanan ke arah Rumah Makan Minang yang tampaknya sudah kehabisan makanan di rak-raknya. Pandang pula ke kiri ke arah rumah makan Pariaman yang tampaknya seperti baru hendak ditutup lebih awal lagi. Mahu tidak mahu, saya gagahi bawa Cikgu Ariff ke rumah makan Pariaman dan bertemu ketuanya, Jumrin Isrin, yang serba salah melihat Cikgu Ariff.

"Kami dah tutup awal. Pasal hari ini banjir orang ramai melayat Allahyarham Ustaz Abdillah. Nanti ya saya tengok jika ada spare," katanya.

Beliau ke belakang kedai dan kembali dengan dua pinggan nasi dan tiga jenis juadah termasuk sayur lodeh.

"Alhamdulillah," kata Cikgu Ariff gembira.

Sedang kami hendak mula makan, muncul Ustaz Embek Ali dan Yusnor Ef (nama sebenar Cikgu Mohd Noor Mohd Yusofe). Mereka juga lapar. Maka kami berbahagi makanan bak dianjurkan sebuah hadis.

Selepas makan, saya pimpin Cikgu Ariff memasuki kawasan Masjid Sultan yang sudah penuh sesak. Hampir setiap orang berdiri, termasuk di laman, tangga masjid dan di luar pekarangan masjid.

Saya pasrah kepada Allah dan bawa Cikgu Ariff ke bahagian belakang tengah masjid. Terasa lambat beliau menaiki anak tangga tapi mujurlah ramai yang memberikan laluan kepada kami.

"Raman, macam dah tak ada tempat. Tapi saya harap nak solat juga," katanya.

Saya terlihat banyak gulungan tikar di bahagian stor. Lantas saya masuk ke dalam dan mengaturkan tikar-tikar tadi. Alhamdulillah terdapat juga sebuah kerusi untuk Cikgu Ariff bersolat. Kemudian muncul Ustaz Embek dan beberapa orang menyertai kami. Alhamdulillah, kami sempat melakukan semua solat, termasuk solat jenazah.

"Boleh kita ke kubur?" pinta Cikgu Ariff. Saya seperti terpinga-pinga. Sangka saya cukuplah sudah menyempurnakan solat jenazah dan berdoa untuk Almarhum Ustaz Syed Abdillah.

Sebagaimana tiba tadi, kami terpaksa meredah lautan manusia untuk kembali ke kereta saya diparkir di Kandahar Street, di sebelah bangunan tambahan Masjid Sultan.

Dalam perjalanan ke Pusara Abadi, kami tak berbicara langsung tapi berzikir saja. Rombongan bas telah lebih dulu meninggalkan kami. Entah sempat atau tidak menyaksikan pengembumian Ustaz, kata hati kecil saya.

Alhamdulillah, saya dapat memandu kereta sampai betul-betul di jalan kecil pusara almarhum.

"Tengok tu, pusara Ustaz Abdillah betul-betul di hujung, macam beliau menjadi iman solat berjemaah," tanggap Cikgu Ariff. Saya terpegun.

Dipendekkan cerita, kami sempat menyaksikan jenazah tokoh agama yang besar baktinya itu disemadikan. Terasa sayu sekali.

Siapa Selepas Cikgu Ariff

Sering Cikgu Ariff disuakan dengan pertanyaan, 'Siapa selepas Cikgu Ariff?"

"Saya jawab, 'Itu urusan Allah SWT. Sebabnya, saya menjadi begini bukanlah kerana saya sendiri saja mahukan. Ada sebab-sebab sekitaran iaitu masyarakat dan keadaan yang mendorong saya menjadi guru. Namun, dalam hidup, kita perlu membuat pilihan. Dan kita berdoa agar pilihan kita bertepatan membawa barakah," katanya.

Antara ribuan muridnya, Cikgu Ariff mendapati hanya beberapa orang saja yang berpotensi menjadi bahasawan, sasterawan dan budayawan. Antara mereka ialah Mohd Gani Ahmad (@Megadona, 1941-) dan Mohd Naim Daipi (@Nizqin, 1950-2015). Bersama Selamat Omar, Megadona pernah

membantu Cikgu Ariff dalam menghasilkan majalah *'Mekar'* terbitan Kementerian Pelajaran (kemudian dinamakan Kementerian Pendidikan). Megadona pernah menjadi Ketua I Asas '50 dan antara guru-penulis di Institut Kemajuan Kurikulum Singapura (CDIS). Selain menghasilkan puisi dan sejumlah cerpen, beliau sering berbincang dengan Cikgu Ariff dalam menghasilkan rencana bahasa dan budaya di akhbar *Berita Harian.*

Menurut Cikgu Ariff, anak didiknya, Mohd Naim pernah membantunya dalam menghasilkan layar (mast) bagi warta Majlis Ugama Islam yang dipanggil *WARITA*. Selain aktif dalam beberapa badan Melayu termasuk Asas '50 dan Badan Kesenian Melayu, beliau telah menghasilkan cerpen, sajak, esei sastera, novelet kanak-kanak dan novel. Selain aktif dengan Majlis Bahasa Melayu Singapura, beliau pernah mengasuh ruangan sastera dan bahasa di akhbar *Berita Harian*. Mohd Naim meninggal dunia pada 13 April 2015. Ia mengejutkan Cikgu Ariff.

"Sayang sekali, potensi Naim masih ada lagi. Namun Allah lebih menyanginya," kata Cikgu Ariff.

Dalam menilai erti peribahasa 'patah tumbuh, hilang berganti', Cikgu Ariff teringat pesanan 'adik angkatnya', budayawan besar Riau, Dr Tenas Effendy (1936-2015) yang menukil kata-kata yang kononnya dituturkan Laksamana Hang Tuah:

Tuah sakti hamba negeri,
Esa hilang dua terbilang,
Patah tumbuh hilang berganti,
Tak Melayu hilang di bumi.

"Tapi jangan kita harapkan sesuatu itu berlaku dengan sendirinya. Memanglah insan merancang dan melaksana, tapi

Allah yang menentukan. Malah jika kita tidak mensyukuri ni'mat-Nya dengan berusaha gigih, Allah boleh menggantikan kaum Melayu dengan kaum lain atau membiarkan kaum Melayu lemah begitu saja. Kita perlu perkasa diri dengan memikir, merancang dan melaksana yang terbaik. Kita perlukan keahlian dalam setiap bidang ilmu, tapi usah lupa bahasa, persuratan dan kebudayaan kita," pesannya.

Indahnya Menjadi Guru

Bagi Cikgu Ariff, 'guru' merupakan profesinya sepanjang masa dari zaman menjadi guru pelatih sehingga bersara.

"Guru memang kerja yang dipandang tinggi sejak zaman dahulu kala. Nabi dan ahli falsafah dianggap sebagai guru kerana jadi penerang dan penyinar jalan bagi masyarakatnya. Bagi saya pula, keinginan bapak saya yang membuat saya teguh menjadi guru," katanya.

Namun ada bezanya antara 'guru' yang merupakan profesi sepanjang zaman dengan guru yang digaji.

"Saya pernah berikan ceramah tentang bezanya 'guru' dengan 'cikgu'. Yang pertama merupakan suatu perjuangan sehingga nafas terakhir. Yang kedua pula kerana gaji semata atau terhenti selepas keluar sekolah atau bersara," katanya. Dahulu gaji guru memang rendah. Cikgu Ariff pernah mengadu kepada saya bahawa beliau 'terbersara' awal sehingga terlepas peluang mendapat skim pencen yang lebih besar.

"Sudah takdirnya begitu. Pun saya bersyukur kerana selepas pencen usia 55 tahun, saya panjang umur sampai 90 tahun. Jika takda duit pencen dan skim perubatan percuma, memang susah juga," katanya.

Dalam zamannya, guru senantiasa memelihara imejnya, bukan sekadar penampilan, bahkan tutur kata sehinggalah tindakannya ke atas keluarganya dan masyarakat. "Itulah diperikan orang tua-tua yang memberikan amaran: 'jika guru kencing berdiri, murid kencing berlari'," tambah sambil tertawa.

Ramai pejuang kebangsaan Melayu merupakan guru dan wartawan. Ini merupakan dua kerjaya yang dianggap tinggi dan lebih tersedia dalam zaman penjajahan. "Peluang anak Melayu menyandang jawatan seperti peguam, doktor dan sebagainya amat terbatas disebabkan kemiskinan, tiada peluang dan juga sikap dingin kalangan ibu bapa kita terhadap pendidikan tinggi," jelasnya yang pernah menjadi anggota pendiri Majlis Pelajaran Melayu pada 1955. Menjadi guru, tambahnya, menuntut seseorang untuk menimba ilmu dan memahaminya dengan jernih.

"Sebabnya, guru dinilai sebagai orang yang boleh menerangkan sesuatu hal. Namun, ilmu berkembang pesat. Tak mudah bagi seorang guru dapat mengetahui semua ilmu. Misalnya, zaman Nabi Muhammad, belum dikenali ilmu fikah sehingga tasauf. Kini ilmu semakin rencam dan setiap yang mendalaminya perlu menjadi pakar atau spesialis," katanya.

"Dengan adanya teknologi, seorang murid akan mudah mencari ilmu. Tapi apakah ilmu itu berguna dan membawanya ke jalan yang benar? Persoalan ini yang perlu digarap oleh gurunya selaku pembimbing dan rakannya dalam mencari ilmu dan membina akhlaknya," ujar Cikgu Ariff

Menurutnya lagi, guru pada masa depan akan lebih merupakan seorang yang menyantuni muridnya dengan nilai-nilai mulia atau akhlak tinggi. Inilah peranan teras guru sejak dahulu kala, tegasnya.

"Dalam novel saya, *Mail Mau Kahwin*, saya sengaja masukkan unsur teknologi seperti komputer untuk manusia membuat pilihan tentang jodohnya. Namun, komputer tiada nilai. Yang ada nilai ialah pada diri manusia. Tak semua manusia itu sempurna atau dapat berdikari tanpa dibantu. Banyak manusia memerlukan pembimbing termasuklah yang dipanggil 'guru' untuk memberi tunjuk ajar," ujar Cikgu Ariff.

Beliau melihat adanya kemajuan besar yang dikecapi guru hari ini, termasuk guru bahasa Melayu yang mendapat penghormatan seperti Anugerah Guru Arif Budiman sehingga diundang menemui Presiden di Istana.

"Gaji dan ganjaran mereka jauh lebih besar daripada zaman saya, tapi adakah mereka benar-benar mengejar gaji semata atau menggarap peranan sebagai guru yang indah ertinya?"

Begitulah persoalan beliau yang 'tergantung' pada akhir sembang kami.

Sastera Melayu Abad 21

Sejak sekolah aliran Melayu pupus dalam tahun 1970-an, Cikgu Ariff dan rakan-rakan seperjuangannya mendambakan agar bahasa Melayu diajarkan bersama kesusasteraan Melayu di sekolah.

"Jika belajar bahasa saja, tentu akan membosankan. Tapi apabila disertakan dengan sastera, kelas bahasa akan menjadi lebih hidup. Bahasa hanyalah wahana, sastera pula memberikan dimensi kemanusiaan. Jangan ingat sastera hanya untuk bercerita saja. Tapi di dalamnya terdapat pelbagai unsur kehidupan. Misalnya, ia boleh menceritakan secara berpuisi tentang perang dan damai. Cerpen, novel dan drama pula mendorong pembaca

untuk berimaginasi dan menyelami pelbagai persoalan kehidupan," hujah Cikgu Ariff.

Banyak lagi manfaat menyertakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dengan kesusasteraan. Antara lain, unsur-unsur budaya terutama nilai-nilai luhur dapat ditancapkan.

"Jati diri murid akan disuburkan apabila dia dapat meneroka bahasa ibundanya lewat sastera," tambahnya.

Cikgu Ariff merupakan antara nara sumber yang dirujuk oleh Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi yang dipengerusikan Prof Madya Dr Hadijah Rahmat pada 2004.

"Dalam zaman saya, iaitu zaman penjajahan, kita gerakkan kesedaran tentang kepentingan bahasa menerusi sastera di akhbar, majalah dan buku. Kita bela mereka yang tertindas, tidak kira agama dan latarnya. Kita lahirkan dan asuh atau bina 'manusia baru' daripada kesan penjajahan yang bukan saja ke atas kebebasan tapi yang tertakluk pada jiwa," katanya.

"Masalah kita adalah penjajahan sebenarnya membawa kesan yang berpanjangan. Misalnya, zaman dulu, perdagangan laut dan sebagainya dikuasai orang Melayu. Bukankah orang Melayu iaitu 'Panglima Awang' (novel Harun Mohd Amin @Harun Aminurrashid) yang pertama mengelilingi dunia?" tukas Cikgu Ariff.

Beliau berasa penting karya besar seperti buah tangan Cikgu Harun dapat diringkaskan dengan rapi lagi indah untuk bacaan dalam bentuk buku atau e-buku bagi generasi muda. Beliau juga berharap Asas '50 dapat menjayakan sebuah Akademi Penulisan demi memupuk bakat pelajar sehingga orang dewasa.

"Zaman sekarang, orang mencari ketenangan dengan pelbagai cara. Asas '50 boleh menggalakkan orang ramai menulis puisi, cerpen dan sebagainya demi melepaskan keresahan,

keinginan dan sebagainya secara membina, kreatif dan bermakna. Itu sebab saya syorkan Asas '50 gunakan permutu 'Sastera Bina Manusia'."

Menulis sebagai terapi atau rawatan bukanlah suatu yang baru. Melukis juga sering digunakan sebagai terapi. Selanjutnya, beliau mencadangkan agar dibentuk kumpulan pembicara buku agar minat membaca kembali menyerlah dalam masyarakat.

"Lemahnya umat kerana kurang atau tidak membaca. Ingatlah, wahyu pertama dalam Al-Quran ialah 'Bacalah'. Mengapa Allah tidak suruh yang lain. Sebab, kebanyakan orang Arab zaman Nabi Muhammad memang buta huruf. Jadi, penawarnya ialah dengan membaca. Membaca tidak bermakna menatap huruf, tapi dapat membaca daripada alam.

"Orang tua-tua Melayu pandai membaca alam. Itu sebab, peribahasa kita memaparkan kebijaksanaan orang Melayu menggunakan lambang alam sampai-sampai kawan saya, Ali Akhbar Navis (sasterawan besar Minang, 1924-2003) menulis bukunya, *Alam Terkembang Jadi Guru*," kata Cikgu Ariff sambil menunjukkan buku itu di pepara ruang studinya.

Cikgu Ariff menghujahkan bagaimana tanpa kompas, pelaut Melayu boleh membaca taburan bintang, angin, riak air, arus, gelombang dan sebagainya sehingga selamat dalam pelayaran.

"Kini erti baca sudah meluas termasuk membaca dalam pelbagai bahasa, membaca dengan teknologi siber dalam sebagainya. Pokoknya orang kita perlu rajin dan banyak membaca untuk menjadi lebih berilmu serta mengetahui dirinya dan Pencipta-Nya," tambahnya.

Pembimbing Masyarakat

Sepanjang usianya bersama masyarakat, Cikgu Ariff menyedari perlunya ada orang tua-tua untuk menjadi pembimbing masyarakat. Dalam zamannya, beliau beruntung mempunyai guru-guru kanan dan juga penulis terkenal seperti Harun Mohd Amin (Harun Aminurrashid, 1907-1986), Mahmud Ahmad (1906-1986) dan Buyong Adil (1907-1986) serta alim besar seperti Kiai Zuhri Mutamin (1905-1985).

"Apabila mereka tiada, saya pula menjadi tempat merujuk, nara sumber atau penasihat. Amalan ini, bagi saya, amat baik kerana tidak semua ilmu boleh diperolehi daripada membaca atau *google* saja. Kita perlukan orang tua yang sudah puas makan garam," tambahnya.

Beliau teringat kisah Nadim dalam *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)* dan kemudian menyambung kata, "Dalam pada itu, kita jangan perkecil bakat anak muda, sekali pun usianya masih remaja. Sebab itulah dipetiakan orang tua-tua iaitu; kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa. Ertinya kita harus manfaatkan segala kepandaian dalam masyarakat.

"Lihat apa jadi pada Singapura waktu zaman silam apabila bakat kecil dipunahkan kerana raja takut bahawa si anak yang pandai akan merampas takhtanya," ceritanya.

Kepandaian tidak semestinya menerusi alam persekolahan. Beliau sendiri hanya lulusan Maktab Perguruan Sultan Idris, tetapi kemudian belajar sendiri dan menduduki peperiksaan demi membuktikan keupayaan untuk mempunyai sijil.

"Tuhan salurkan bakat alam kepada sesiapa saja hamba-Nya. Khidir, mungkin nabi atau wali, tapi lebih pandai daripada seorang rasul dan pemimpin besar iaitu Nabi Musa," katanya.

Oleh itu, Cikgu Ariff berasa amat perlu orang tua-tua atau para pembimbing tadi dibentuk dalam masyarakat untuk menasihati pemerintah mahupun persatuan bantu diri.

"Apabila ada orang tua-tua begini macam Menteri Pembimbing Lee Kuan Yew yang menasihati kabinet, dan kini pula Goh Chok Tong, tentu ada kesinambungan. Jadi, kita elakkan kesilapan silam berulang dan kita dapat pastikan ada laluan yang selamat walaupun setiap zaman ada cabaran atau risikonya," ujarnya.

Pakar NILAM

Selepas Kongres Nilam (Nilai Islam Lambang Adat Melayu) anjuran Majlis Pusat pada 1999, Cikgu Ariff telah diminta menjadi ketua Dewan Adat yang dibentuk kemudian. Sayangnya, vizi Dewan Adat tidak ke mana untuk membawa masyarakat Melayu Singapura ke tahap selanjutnya. Oleh itu, beliau telah menghasilkan adikarya, *NILAM* pada 2007.

"Saya berharap Dewan Adat dapat dihidupkan semula. Tapi sayangnya, kepimpinan Majlis Pusat sudah tidak ampuh, malah hadapi krisis," katanya.

Namun tanpa Majlis Pusat sekalipun, beliau berasa Dewan Adat itu perlu ditubuhkan di bawah naungan menteri dan sebagainya agar kehidupan berbudaya orang Melayu di Singapura menjadi lebih terarah.

"Jika kita hendak hidupkan masyarakat yang bertamadun, ia mesti terarah. Untunglah orang Melayu sudah ada budayanya yang bersendikan syarak. Tapi ini hanya tinggal perbilangan saja jika tidak diusahakan dengan kepakaran atau keahlian yang tepat. Jangan nanti, kita biarkan orang yang bukan ahli dan tidak ikhlas pula merancang dan mengaturkan masyarakat, padahnya buruk," tegur beliau.

Beliau bersyukur kerana sudah ada empat institusi yang boleh mengembangkan ilmu tamadun Melayu iaitu tiga Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Kebangsaan Singapura, Universiti Teknologi Nanyang dan Universiti UniSIM (kini Universiti Sains Sosial Singapura) serta Pusat Bahasa.

"Tapi kita mahukan bukan saja ahli bahasa atau sastera saja, tapi ahli dalam pelbagai disiplin. Misalnya jika hendak mengkaji khasiat jamu, diperlukan seorang doktor perubatan dalam bidang farmasi. Sebabnya, tamadun Melayu bukan sekadar bahasa dan sastera saja. Ia amat luas," katanya.

Natwinti dan pesan Bapak

Menurut sahabat saya, Abdul Samad Salimin (@Asmin), Cikgu Ariff amat bimbang mengenai masa depan rumpun Melayu selaku golongan umat Islam yang terbesar di dunia.

"Tidak syak obor Islam, antara lain, dibawa oleh orang Melayu. Bila kita naik haji, tampak sekali golongan terbesar jemaaah ialah dari rantau ini. Jadi, kita perlu pelihara adab dan cara kita menghayati Islam," katanya. Ketika menonton televisyen Indonesia, beliau tersua dengan istilah 'Natwinti' yang menjadi teguran ulama di negara terbesar Asia Tenggara itu dan juga menampung majoriti umat Islam.

Natwinti ialah singkatan suNAT, kaWIN dan maTI. Istilah dari Indonesia ini popular sejak 1990-an. Ia merujuk kepada upacara Islam yang lazim iaitu majlis khatan (sunat), perkahwinan atau walimah dan kematian. Namun, pemerhatian yang serupa juga pernah disampaikan oleh cendekiawan tersohor, Prof Syed Hussein Alatas (1928-2007) seawal akhir 1960-an.

"Takkanlah pada tiga acara ini saja, orang Islam di sini berkumpul dan bersiratur rahim sewaktu senang dan berduka.

Bagaimana pula kita menghayati Islam dalam usaha gotong-royong membantu orang yang susah, menguruskan syarikat atau sebagai pekerja sehingga menunjukkan adab atau perilaku yang mulia di mana jua tidak kira masa?" tegas Cikgu Ariff.

Cikgu Ariff amat bimbang melihat kadar tinggi kes penagihan dadah, perceraian, sumbang mahram serta maksiat yang dikaitkan dengan pelaku yang beridentiti Melayu.

"Saya teringat pesan almarhum bapak saya, Ahmad bin Karso, 'Kalau nak tahu, baca. Kalau nak pandai, tulis. Dan, kalau nak bijaksana, kaji," ujarnya.

Pendeknya, kata Cikgu Ariff, orang Melayu mesti dipastikan mendapat pendidikan Islam yang sempurna agar melengkapi dan mengawal kehidupannya, bukan sekadar Rukun Islam seperti solat sehinggalah naik haji saja.

"Kita perlu lahirkan orang Melayu yang berilmu agar tidak tersesat, pandai pula mengolah ilmu serta bijak dalam membuat keputusan," tambahnya.

Tersilap Sangka

Pada suatu hari dalam 2004, sebuah bas atau koc yang membawa pelancong Jepun tersesat jalan di kejiranan rumah Cikgu Ariff. Para pelancong itu turun. Ada yang memetik gambar. Cikgu Ariff menyapa mereka dengan hormat menggunakan bahasa Jepun yang dipelajari pada zaman Pendudukan Jepun dulu.

"Mereka tercengang. Dan kemudian macam terasa ada malaikat lalu. Selepas itu, mereka membongkok untuk memberikan hormat berkali-kali. Seorang daripada mereka memberitahu pemandu pelancong, apakah saya seorang pensyarah bahasa Jepun?

"Saya beritahu bahawa memang benar ketika zaman Perang dulu. Kata salah seorang pelancong itu bahawa bahasa yang saya gunakan ialah bahasa klasik, bahasa orang atasan. Ia jarang sekali digunakan di Jepun sekarang," kata Cikgu Ariff sambil tertawa kecil.

Cikgu Ariff sering mendapati suasana 'tersilap sangka' dalam hidupnya.

"Suatu hari selepas solat Jumaat, di masjid saya, Al-Muttaqin, saya duduk dekat tempat orang lalu lalang kerana kaki saya tak kuat untuk melangkah masih ke dewan solat.

"Kerana penat, saya bersandar di tembok menanti untuk dijemput pulang. Seorang jemaah muda menghampiri saya dan menghulurkan sedekah.

"Saya cuma tersenyum dan memberi isyarat menolak sambil tunjukkan tabung masjid. Niatnya baik kerana menyangka saya seorang tua yang perlukan bantuan."

Sentiasa Mendoakan Masyarakat dan Nusa

Cikgu Ariff percaya bahawa selemah-lemah usaha ialah berdoa, sesudah bertindak dan menasihat. Ini antara teras ajaran Islam.

"Tengoklah saya ni, sudah sukar bergerak. Tangan pun susah nak mengetik komputer. Mujur ada *handphone* ini, boleh saya ketik sikit-sikit gurindam dan pantun.

"Dalam keadaan serba lemah pada sisa umur ini, saya sentiasa doakan masyarakat dan negara kita agar sentosa dan maju. Waktu saya bantu Pak Zubir dulu mengarang seni kata lagu kebangsaan kita, itulah yang saya beri perhatian. Iaitu, biarlah lirik lagu utama kita menjadi doa atau pengharapan seluruh warga kita.

"Kita senantiasa berdoa dan berusaha sedaya upaya selagi hayat dikandung badan -- macam kata (kawan karib saya) Masuri. Baik sangka, berbudi sambil senantiasa mensyukuri nikmat-Nya kerana Dialah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang."

Sejak awal 1950-an, ketokohan Muhammad Ariff Ahmad (1924-2016) menyerlah dalam bidang pendidikan, bahasa, persuratan dan kebudayaan serta agama Islam. Beliau merupakan antara cendekiawan Melayu yang terlibat dalam hampir setiap gerakan kesedaran masyarakat Melayu di Singapura dan rantau ini. Visinya untuk memartabatkan bahasa Melayu terpapar menerusi keterlibatannya dalam menubuhkan Angkatan Sasterawan '50 (Asas '50), pelaksanaan tiga Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu pada 1952, 1954, 1956, pembentukan Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura serta kegiatannya seperti Bulan Bahasa.

Beliau turut mengasaskan Majlis Pelajaran Melayu demi meningkatkan persekolahan Melayu daripada peringkat rendah ke peringkat menengah dan pra-universiti. Demi mempertingkat keazaman masyarakat Melayu selepas merdeka, beliau telah mengasaskan Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya dan aktif dalam kegiatan masjid dan Majlis Ugama Islam Singapura, serta menjadi penasihat dan nara sumber kepada banyak pertubuhan termasuk Yayasan Mendaki, Yayasan Taman Warisan, Angkatan Karyawan Islam, Persatuan Guru Bahasa Melayu dan Kesatuan Guru Melayu Singapura serta Majlis Bahasa Melayu Singapura.

Buku kecil ini merupakan sumbangsih Mohd Raman Daud dengan bantuan Prof. Madya Dr Hadijah Rahmat dan penyair Abdul Samad Salimin (@Asmin). Kandungannya mengungkapkan kenangan tentang Cikgu Muhammad Ariff Ahmad, seorang tokoh yang banyak meraih penghormatan termasuk gelar Pendeta dan Doktor Kehormat. Kata-kata dan buah pandangan Cikgu Ariff yang malar segar wajar dijadikan pesan sepanjang zaman.

NIE NATIONAL INSTITUTE OF EDUCATION SINGAPORE

An Institute of

NANYANG TECHNOLOGICAL UNIVERSITY SINGAPORE

9 789811 447235